Ringkasan

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

RPNS 2021-2025

PROGRESIF . SEJAHTERA . LESTARI

RINGKASAN RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN, 2021-2025

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Perancang Ekonomi Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503, Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-765 9968 / 9967 / 9951

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025 menyediakan landasan pembaharuan dan transformasi ke atas ekonomi Negeri Sembilan yang menjadi pelengkap kepada RMKe-12. RPNS 2021-2025 adalah manifestasi kesungguhan dan iltizam Kerajaan Negeri dalam merealisasi konsep Kemakmuran Bersama melalui pemerkasaan ekonomi, perekayasaan sosial dan kelestarian alam sekitar.

NEGERI SEMBILAN
"PROGRESIF, SEJAHTERA DAN LESTARI"

13 Bab

36 Bidang Fokus

86 Strategi Pelaksanaan

Bidang fokus dan strategi yang terkandung dalam RPNS 2021-2025 menyokong secara langsung sasaran yang ingin dicapai oleh Malaysia pada 2025 seperti yang terkandung dalam dokumen RMKe-12.

3 tema

Menyokong **3** tema RMKe-12 iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjak kemampanan.

9 daripada 14

Mencakupi **9** daripada 14 pemacu perubahan yang terkandung dalam RMKe-12.

17 SDG

Setiap bab utama dipadankan dengan 17 sasaran SDG bagi memudahkan pemantauan dan intervensi dasar.

Bab 1

Ringkasan dan Landasan Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

3 TEMA DAN 2 PEMANGKIN DASAR

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025 merupakan satu dokumen asas yang menyediakan landasan pembaharuan dan transformasi ke atas ekonomi Negeri Sembilan serta pelengkap kepada dokumen Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di peringkat nasional bagi mencapai aspirasi Negeri Sembilan Progresif, Sejahtera dan Lestari.

01

Kemampanan Ekonomi

memberikan fokus kepada memperkemas ekosistem industri, transformasi ekonomi serta melonjakkan pertumbuhan industri dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang strategik dan bernilai tinggi.

02

Kesejahteraan dan Kemakmuran

Rakyat memberikan fokus kepada kestabilan sosial dengan tumpuan kepada pertumbuhan luar bandar yang mampan dan inklusif serta pengukuhan modal insan.

03

Kelestarian Alam Sekitar

memberikan fokus kepada usaha memampankan penggunaan sumber alam dan adaptasi ekonomi kitaran sebagai sumber kekayaan baharu bagi menyokong pertumbuhan hijau.

Dua pemangkin dasar yang menyokong pencapaian tiga tema dan menjadi asas perancangan pembangunan Negeri Sembilan sepanjang lima tahun dan tahun yang seterusnya.

01

Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Perkhidmatan ICT

memfokuskan kepada peningkatan ketersediaan infrastruktur, kemudahan awam dan perkhidmatan ICT di setiap daerah bagi menyokong pembangunan yang lebih inklusif.

02

Memperkemaskan Tadbir Urus dan Penyampaian Sektor Awam

memfokuskan kepada penambahbaikan pengurusan sumber dan penjanaan hasil serta pengukuhan peranan sektor awam yang lebih responsif dan proaktif kepada perkembangan pasaran.

13 BAB RPNS 2021-2025 DAN 9 PEMACU PERUBAHAN RMKe-12

RPNS 2021-2025 menyokong 3 tema RMKe-12 iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti, dan melonjakkan kemampanan serta mencakupi 9 daripada 14 pemacu perubahan yang terkandung dalam RMKe-12

TEMA RMKe-12

MENJANA SEMULA EKONOMI	MEMPERKUKUH KESELAMATAN, KESEJAHTERAAN DAN INKLUSIVITI	MELONJAKKAN KEMAMPANAN

FOKUS RPNS 2021-2025

KEMAMPANAN EKONOMI

- **BAB 3** MVV 2.0 dan Industri Tumpuan sebagai Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi Negeri
- **BAB 4** Memperkemas Jaringan Industri dan Tumpuan Sektor Bernilai Tinggi
- **BAB 5** Memperkukuh Rantaian Nilai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
- **BAB 6** Melonjak Pertanian dan Industri Makanan
- **BAB 7** Mengoptimum Potensi Pelancongan

KESEJAHTERAAN DAN KEMAKMURAN RAKYAT

- **BAB 8** Luar Bandar Mendasari Pertumbuhan Mampan dan Inklusif
- **BAB 9** Menyediakan Bakat yang Menepati Permintaan Masa Hadapan

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

- **BAB 10** Kemampanan Penggunaan Sumber Alam
- **BAB 11** Ekonomi Kitaran sebagai Sumber Kekayaan Baharu

PEMANGKIN RPNS 2021-2025

- **BAB 12** Mempertingkatkan Kualiti dan Memperluas Jaringan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Perkhidmatan ICT
- **BAB 13** Memperkemas Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

PEMACU PERUBAHAN RPNS 2021-2025

1. Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi
2. Mentransformasi Ekosistem Logistik
3. Memangkin Industri Strategik dan Berimpak Tinggi
4. Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkormersialan
5. Menerima Guna Ekonomi Kitaran
6. Mempergiat Penerimagunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu
7. Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan
8. Meningkatkan Ketersambungan Digital
9. Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

13 BAB RPNS 2021-2025 DAN 17 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

RPNS 2021-2025 menyediakan kerangka asas dalam menyokong usaha memampankan ekonomi Negeri Sembilan serta membantu Malaysia mencapai Agenda 2030. Setiap bab utama RPNS 2021-2025 dipadankan dengan sasaran Matlamat Pembangunan Mampan bagi memudahkan pemantauan dan intervensi dasar dilaksanakan.

Bab	17 Matlamat Pembangunan Mampan																
	1 NO POVERTY	2 ZERO HUNGER	3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING	4 QUALITY EDUCATION	5 GENDER EQUALITY	6 CLEAN WATER AND SANITATION	7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY	8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH	9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE	10 REDUCED INEQUALITIES	11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES	12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION	13 CLIMATE ACTION	14 LIFE BELOW WATER	15 LIFE ON LAND	16 PEACE, JUSTICE AND STRONG INSTITUTIONS	17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS
BAB 1																	
BAB 2	✓	✓				✓	✓	✓	✓	✓	✓						✓
BAB 3								✓	✓		✓						
BAB 4								✓	✓		✓	✓					✓
BAB 5								✓	✓	✓							
BAB 6	✓	✓						✓	✓			✓			✓		✓
BAB 7				✓							✓		✓	✓	✓	✓	✓
BAB 8	✓	✓				✓	✓	✓	✓	✓	✓						✓
BAB 9			✓	✓	✓			✓		✓	✓						
BAB 10	✓	✓	✓			✓							✓	✓	✓		
BAB 11			✓			✓	✓	✓	✓		✓	✓	✓		✓	✓	✓
BAB 12						✓	✓		✓		✓						
BAB 13			✓													✓	✓

Pencapaian dan Sasaran Terpilih

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
2.6%	Pertumbuhan KDNK	4.5%
RM41,079	KDNK per Kapita	RM46,534
474,100 orang	Guna Tenaga	501,813 orang
2.2%	Pertumbuhan Produktiviti Buruh	3.7%

Bab 2

KERANGKA EKONOMI MAKRO DAN FISKAL

Bab 2

FOKUS UTAMA EKONOMI MAKRO

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Mengembalikan Momentum Perubahan Struktur Ekonomi

Menambah Baik Pemantauan Ekonomi Sektoral

Melonjakkan Pertumbuhan melalui Peningkatan Produktiviti

Merapatkan Jurang Pembangunan antara Daerah

Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Negeri

Memperkenalkan Pertumbuhan Hijau sebagai Sumber Jaya Negeri

Bab 2 Isu dan Cabaran

01 Momentum Perubahan Struktur Ekonomi yang Terjejas.

Walaupun sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan dua sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi negeri, tetapi kedua-dua sektor ini mengalami peralihan struktur yang perlahan
(Rujuk kotak artikel 2.1; RPNS 2021-2025)

02 Kekangan Kaedah Pemantauan Ekonomi Sektoral.

Ketiadaan data KDNK mengikut negeri dari sisi permintaan akan mewujudkan satu "titik buta" dalam perancangan dan penyelarasan ekonomi antara penawaran dan permintaan.

03 Produktiviti Buruh yang Kurang Optimum.

Walaupun nilai produktiviti buruh Negeri Sembilan lebih tinggi daripada purata nasional, namun sumbangan terbesar produktiviti buruh di Negeri Sembilan ini disumbangkan oleh pekerja separa mahir.

04 Pengagihan Pendapatan antara Daerah yang tidak Seimbang.

Pembangunan tertumpu di kawasan membangun dan mengurangkan lagi potensi kawasan luar bandar dalam merancakkan lagi kegiatan ekonomi setempat.

05 Kepelbagaian Sumber Pendapatan Negeri yang Terhad.

Sebahagian besar hasil Kerajaan Negeri disumbangkan oleh hasil bukan cukai, kemudiannya diikuti hasil cukai dan terimaan bukan hasil. Sumbangan hasil bukan cukai mendominasi 51.9% kutipan hasil negeri pada tahun 2019
(Rujuk Kotak Artikel 2.2; RPNS 2021-2025)

06 Kelestarian Penggunaan Sumber Alam dan Impak Alam Sekitar.

Intensiti penggunaan air terawat dan elektrik oleh ekonomi Negeri Sembilan melebihi purata intensiti nasional dan kadar kitar semula Negeri Sembilan masih berada pada kedudukan yang rendah berbanding dengan purata nasional.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Fokus Utama 1
Mengembalikan Momentum Peralihan Struktur Ekonomi

i. **Sektor perkhidmatan akan terus menjadi sektor yang menerajui peralihan struktur ekonomi bagi meningkatkan lagi potensi pencapaian status negeri berpendapatan tinggi.**

a. Memperkasa sektor perkhidmatan moden dalam mempercepat pertumbuhan pelbagai perkhidmatan pada peringkat huluan dan hiliran.
b. Meningkatkan lagi kecekapan melalui adaptasi teknologi dan keberkesanan rantaian bekalan melalui penerokaan pasaran yang meluas.
c. Mempercepat pembangunan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi termasuk industri halal dan kreatif serta pelancongan.

ii. **Sektor pembuatan pula terus diberi keutamaan dalam peralihan kepada pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks.**

a. Industri utama yang dijangka akan menerajui sektor pembuatan termasuk industri aeroangkasa, farmaseutikal dan maritim.
b. Penerimagunaan teknologi juga akan dipertingkatkan dalam memberi sokongan kepada inovasi proses pengeluaran dan meningkatkan produktiviti.
c. Pembangunan kawasan industri berteknologi tinggi dijangka akan menjadi pemangkin dalam melonjakkan keupayaan negeri bagi membangunkan produk yang bernilai tinggi dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi.
d. Ekosistem perbekalan yang komprehensif dan bersepadu akan disokong dalam meningkatkan penghasilan produk yang lebih sofistikated serta memastikan penyertaan yang tinggi daripada pemain industri tempatan agar tidak ketinggalan dengan pemain industri di luar Negeri Sembilan.

iii. **Mewujudkan ekosistem Agropolis**

a. Pengukuhan jaringan industri bagi menambah baik rantaian bekalan.
b. Penerokaan industri baharu yang berasaskan biosumber serta agromakanan dan akan disepadukan dengan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I).
c. Menumpukan kepada matlamat dalam meningkatkan lagi nilai tahap sara diri (SSL) merentasi semua subsektor pertanian.
d. Mengoptimumkan penggunaan tanah, meningkatkan kapasiti bekalan input makanan subsektor ternakan dan akuakultur, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh berkemahiran tinggi dan mempercepat peralihan kaedah pengeluaran kepada penggunaan teknologi.

Fokus Utama 2
Menambah Baik Pemantauan Ekonomi Sektoral

i. **Sistem pemantauan ekonomi sektoral akan diperkukuh melalui pembangunan Jadual Input-Output Negeri dan Daerah dalam menangani masalah "titik buta" antara sisi penawaran dan permintaan KDNK. Kerangka ini membantu dalam penggubalan dasar berasaskan bukti serta meningkatkan lagi kecekapan penggubalan dasar tersebut. (Rujuk Kotak Artikel 2.3; RPNS 2021-2025). Pembangunan Jadual Input Output juga boleh menyediakan maklumat penting dalam perancangan ekonomi negeri seperti berikut:**

a. Aliran penawaran atau pembekalan output oleh sesebuah sektor kepada sektor lain untuk digunakan sebagai input pengeluarannya.
b. Sumbangan sektor ekonomi kepada penjanaan nilai ditambah dan sumbangan perbelanjaan akhir ke atas ekonomi Negeri Sembilan yang menjadi komponen utama dalam pengiraan KDNK.

c. Kebergantungan penawaran dan penggunaan output oleh sektor ekonomi melalui pertalian langsung dan tak langsung (*backward dan forward*) bagi mengenal pasti sektor strategik dalam menjana ekonomi Negeri Sembilan.
d. Mengukur kekuatan dan menentukan kebitaraan sektor ekonomi daerah berdasarkan perkara berikut:

    1. Sektor ekonomi utama dan sokongan daerah sama ada sektor primer, sekunder ataupun tertiari;
    2. Sektor ekonomi baru (*emerging sector*) bagi daerah; dan
    3. Peranan yang dimainkan oleh sesuatu sektor kepada daerah sama ada peranan utama (sektor utama) ataupun peranan sokongan.

Fokus Utama 3
Melonjakkan Pertumbuhan Melalui Peningkatan Produktiviti

i. Peningkatan produktiviti bukan sahaja disumbang oleh faktor ekonomi seperti bakat, teknologi dan pasaran tetapi turut disokong oleh kecekapan dalam tadbir urus institusi dan faktor sosial. **(Rujuk Paparan 2-17; RPNS 2021-2025)**. Ketiga-tiga faktor penentu produktiviti perlu diberi penekanan dalam RPNS 2021-2025 untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang tidak disokong oleh peningkatan produktiviti bermakna pertumbuhan tersebut disokong oleh penggunaan sumber ekonomi yang tinggi. Faktor ekonomi lebih terarah kepada inovasi dan kecekapan pemain industri, faktor institusi melibatkan inovasi dalam pentadbiran awam manakala faktor sosial merujuk kepada pemikiran masyarakat.

Fokus Utama 4
Merapatkan Jurang Pembangunan Antara Daerah

> Pembangunan merentasi sempadan antara daerah akan diberi penekanan manakala pembangunan infrastruktur yang lebih inklusif di kawasan luar bandar akan dipercepatkan lagi.

i. Penerokaan sumber kekayaan baharu

a. Membangunkan potensi setiap daerah yang berdaya maju dengan meneroka sumber pertumbuhan baharu.
b. Meningkatkan lagi keupayaan dan kesejahteraan komuniti luar bandar bagi menambah baik daya huni kawasan luar bandar.

ii. Pembangunan ekonomi luar bandar

a. Potensi setiap daerah akan diberikan tumpuan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi luar bandar yang mampan dan menyeluruh.
b. Konsep pembangunan Agropolis akan diguna pakai dalam mentransformasi kawasan luar bandar bagi menyokong pertumbuhan sektor pertanian negeri.
c. Memberi penekanan terhadap usaha untuk memanfaatkan integrasi merentas sektor seperti agropelancongan bagi menjana pendapatan kepada masyarakat luar bandar.

iii. Pembangunan infrastruktur

a. Pembangunan infrastruktur dan prasarana teknologi perkhidmatan ICT. Jalan perhubungan antara desa dan ketersambungan kepada jalan raya utama akan dinaik taraf manakala penyediaan perkhidmatan internet dan telekomunikasi akan diperkasakan seiring dengan persekitaran ke arah internet benda (IoT).

Fokus Utama 5
Mempelbagaikan Sumber Pendapatan Negeri

> Keutamaan penjanaan hasil Kerajaan Negeri akan terarah kepada komponen hasil bukan cukai.

i. Formalisasi ekonomi bayangan (Shadow Economy)

a. Memberi galakan kepada usahawan tak formal untuk berdaftar dengan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

ii. Mekanisme kelestarian tarif dan transformasi komoditi air

a. Menambah baik pengurusan perkhidmatan air dengan meningkatkan caj air mentah dan kadar tarif air terawat yang lebih sesuai secara bersasar atau bersegmen kepada kumpulan pengguna tertentu.
b. Mempertimbangkan sumber air terawat sebagai perniagaan komoditi untuk dieksport ke negeri lain.

iii. Pengenalan caj perkhidmatan yang menjurus ke arah kelestarian ekonomi.

a. Menambah baik transformasi kepada kualiti perkhidmatan berkenaan alam semula jadi secara menyeluruh bagi menyokong usaha melestarikan alam sekitar.
b. Mengkaji pelaksanaan permit pencemar yang mempunyai potensi untuk bertindak sebagai instrumen kawalan pencemaran.
c. Mengkaji semula bayaran perkhidmatan ekosistem bagi menampung kos penyelenggaraan kemudahan awam serta menambah baik program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan biodiversiti.

Fokus Utama 6
Memperkenalkan Pertumbuhan Hijau Sebagai Sumber Jaya Negeri

i. Meningkatkan kecekapan pengurusan sumber

a. Penerokaan potensi penjanaan tenaga boleh baharu (TBB).
b. Memberi penekanan terhadap konservasi kepelbagaian biologi hutan dalam usaha untuk memelihara kepelbagaian flora dan fauna.

ii. Mempercepat adaptasi ekonomi kitaran

a. Memulihkan semula aset semula jadi negeri dalam memastikan kemampanan pertumbuhan negeri seiring dengan kelestarian alam sekitar.
b. Penerimagunaan konsep ekonomi kitaran melalui pendekatan 3R iaitu, Kurangkan (Reduce), Guna Semula (Reuse) dan Kitar Semula (Recycle).

Bab 3

MVV 2.0 DAN INDUSTRI TUMPUAN SEBAGAI PEMANGKIN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI

Bab 3

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Pengoptimuman Pembangunan Kawasan MVV 2.0 bagi Pertumbuhan Inklusif

Strategi A1
Meneroka Peluang Mendaya Upaya Industri Sokongan Merentas Daerah

Strategi A2
Memperkasa Sektor PMKS

Bidang Fokus B

Peningkatan Ketersediaan Asas Pertumbuhan Kawasan MVV 2.0

Strategi B1
Mempercepat Penyediaan Infrastruktur Asas Pembangunan

Strategi B2
Menambah Baik Ketersediaan Rantaian Perbekalan

Strategi B3
Menyedia Bakat Berasaskan Permintaan Industri

Strategi B4
Menarik Pelaburan Berkualiti

Bidang Fokus C

Penambahbaikan Ekosistem Penilaian *Outcome* Industri Tumpuan

Strategi C1
Menambah Baik Mekanisme Penilaian Projek

Bidang Fokus D

Pengukuhan Kecekapan Mekanisme Pelaksanaan dan Penyampaian

Strategi D1
Memperkukuh Sistem Sokongan Industri Tumpuan

Strategi D2
Meningkatkan Penyertaan Industri Tempatan dalam Agenda Pembangunan



Bab 3 Isu dan Cabaran

01 Cabaran Merekayasa Pembangunan MVV 2.0 yang Inklusif.

Dalam konteks pembangunan MVV 2.0, kesan limpahan daripada pertumbuhan industri berimpak tinggi dan projek-projek mega dikhuatiri akan mewujudkan jurang yang lebih lebar dan manfaat ekonomi yang sukar untuk diseimbangkan. Ekosistem ekonomi yang masih longgar akan menjejaskan pertumbuhan merentas daerah meskipun terdapat pembangunan pemangkin. **(Rujuk Paparan 3-1; RPNS 2021-2025).**

02 Cabaran Ketersediaan Asas Ekonomi dalam Kawasan MVV 2.0

Pembangunan kawasan MVV 2.0 menyasarkan pertumbuhan industri yang berteknologi tinggi dan berdaya maju seperti industri aeroangkasa, halal dan maritim yang berasaskan teknologi termaju. Ketersediaan asas ekonomi yang mencukupi diperlukan bagi menyokong pertumbuhan sektor baharu terutamanya dari sisi penawaran ekonomi seperti modal insan, keupayaan pembekal input daripada pemain industri tempatan terutamanya PMKS, guna tanah yang tersedia bagi tujuan pembangunan penerimagunaan teknologi dan pendigitalan bagi menyokong permintaan pada masa hadapan.

03 Kekangan Menilai *Outcome* Pembangunan Industri Tumpuan

Terdapat kekangan maklumat bagi menilai potensi *outcome* atau impak pembangunan industri tumpuan disebabkan oleh ketiadaan pangkalan data pemain utama industri dan jangkaan perbelanjaan bagi projek berskala besar. Selain itu, kesukaran mendapatkan maklumat pencapaian industri disebabkan oleh kekangan cerapan data oleh agensi berkaitan juga telah menyukarkan proses perancangan. Kekangan ini menyebabkan penilaian impak ekonomi tidak dapat dilaksanakan bagi mengenal pasti potensi penjanaan pendapatan kepada ekonomi negeri.

04 Cabaran Kecekapan Mekanisme Pelaksanaan

Pemain industri menghadapi kesulitan mendapatkan maklumat tepat untuk melihat potensi pembangunan ekonomi dalam jangka masa sederhana dan panjang. Hal ini dibuktikan berdasarkan tinjauan kepada wakil industri terutamanya pemain PMKS di Negeri Sembilan yang masih belum mengetahui perancangan pembangunan mega yang telah dirancang. Akibatnya, pemain industri tempatan tidak dapat membuat jangkaan dan perancangan terhadap potensi pasaran dan mengambil peluang untuk memanfaatkan pertumbuhan ekonomi. Mekanisme pelaksanaan dan sistem sokongan yang kurang cekap menyebabkan pemain industri menghadapi kekangan untuk meneruskan pelaburan di Negeri Sembilan. Hal ini turut disebabkan oleh ketiadaan mekanisme yang boleh membantu menyemak, menyelaras dan mempermudah kelulusan penyediaan infrastruktur bagi mempercepatkan pelaksanaan projek di MVV 2.0.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Pengoptimuman Pembangunan Kawasan MVV 2.0 bagi Pertumbuhan Inklusif

Strategi A1
Meneroka Peluang Mendaya Upaya Industri Sokongan Merentas Daerah

Meneroka peluang untuk meningkatkan daya upaya industri sokongan. Mekanisme pemantauan pada peringkat sektoral akan diperkukuh untuk menilai potensi industri yang perlu diutamakan berdasarkan nilai ditambah yang tinggi.

Strategi A2
Memperkasa Sektor PMKS

Projek pembangunan MVV 2.0 akan membuka peluang kepada PMKS untuk meneroka industri bernilai tinggi dengan langkah memperkasakan sektor PMKS yang berdaya saing tinggi. Industri tumpuan dan strategik akan diberi penekanan bagi memperkasa PMKS dalam kawasan MVV 2.0 serta merentas daerah sekitar. **(Rujuk Kotak Artikel 3.7; RPNS 2021-2025).**

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Peningkatan Ketersediaan Asas Pertumbuhan Kawasan MVV 2.0

Strategi B1
Mempercepat Penyediaan Infrastruktur Asas Pembangunan

Merancakkan pembangunan infrastruktur, usaha akan dipergiatkan bagi meningkatkan kerjasama antara industri, pemilik tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Usaha ini dilaksanakan bagi menambah baik penyediaan asas pembangunan untuk mempercepat pelaksanaan projek yang dirancang di kawasan MVV 2.0 tersebut.

Strategi B2
Menambah baik Ketersediaan Rantaian Perbekalan

I. Usaha akan dipergiat bagi memastikan rantaian perbekalan industri sedia ada dan industri baharu dapat memanfaatkan industri tempatan. Kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan Negeri, agensi persekutuan dan pemain industri tempatan akan dipertingkatkan bagi mengukuhkan asas rantaian perbekalan industri tumpuan dalam kawasan MVV 2.0.
II. Bagi industri baharu pula, ekosistem perbekalan akan dikenal pasti melalui mekanisme libat urus pemegang taruh supaya perancangan untuk menyediakan ekosistem rantaian nilai bersepadu dapat dijalankan dengan lebih bersistematik.

Strategi B3
Menyedia Bakat Berasaskan Permintaan Industri

Usaha akan dilaksanakan bagi menyediakan bakat yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam semua bidang pekerjaan yang diperlukan oleh industri. Kerjasama berasaskan model *triple-helix* dengan penglibatan akademia, industri dan kerajaan akan terus diperkasakan bagi memastikan ketersediaan bakat tempatan masa hadapan yang lebih terjamin berasaskan permintaan industri.

Strategi B4
Menarik Pelaburan Berkualiti

I. Kerjasama dengan agensi berkaitan akan dipertingkatkan bagi meneroka potensi pelaburan yang mampu menjana pekerjaan yang berkualiti untuk bakat tempatan.
II. Kerjasama bersama rakan strategik seperti Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) akan dibentuk bagi mempercepat proses kemasukan pelaburan yang berkualiti tinggi.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Penambahbaikan Ekosistem Penilaian *Outcome* Industri Tumpuan

Strategi C1
Menambah Baik Mekanisme Penilaian Projek

I. Usaha akan diperkemas untuk menilai *outcome* pada peringkat industri tumpuan melalui mekanisme penilaian projek. Mekanisme ini berfungsi untuk mengenal pasti impak potensi pelaburan dan pembangunan industri tumpuan kepada ekonomi negeri.

II. Antara mekanisme yang boleh digunakan adalah mengoptimumkan penggunaan Jadual Input-Output Negeri dan Daerah yang telah dibina oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Sembilan sebagai kerangka penilaian projek. Analisis pengganda nilai ditambah, guna tenaga dan pendapatan merupakan antara indikator penilaian *outcome* yang boleh diguna pakai untuk mengukur potensi industri tumpuan.

III. Penglibatan agensi termasuk PBT akan diperkukuh untuk memudahkan mekanisme penilaian projek dilakukan melalui perkongsian maklumat pangkalan data.

Hala Tuju: Bidang Fokus D
Pengukuhan Kecekapan Mekanisme Pelaksanaan dan Penyampaian

Strategi D1
Memperkukuh Sistem Sokongan Industri Tumpuan

Kerjasama antara badan strategik atau pejabat penyelaras industri tumpuan pada peringkat persekutuan serta agensi pada peringkat negeri akan dipertingkatkan bagi menyediakan asas pertumbuhan yang lebih kondusif dan mesra pelabur. Platform perkongsian kepakaran secara formal akan dibentuk bagi meningkatkan penyelarasan dan penyeliaan pembangunan industri tumpuan.

Strategi D2
Meningkatkan Penyertaan Industri Tempatan dalam Agenda Pembangunan

Bagi memastikan ketercapaian maklumat inisiatif pembangunan negeri, usaha secara bersepadu akan diambil dengan melibatkan pemain industri tempatan, terutamanya PMKS bagi manfaat sewajarnya.



Bab 4

MEMPERKEMAS JARINGAN INDUSTRI DAN TUMPUAN SEKTOR BERNILAI TINGGI

Bab 4

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A
Galakan Pertumbuhan Sektor Ekonomi Strategik

Strategi A1
Meningkatkan Daya Pengeluaran Sektor Ekonomi Strategik

Strategi A2
Melonjakkan Pertumbuhan Sektoral Berasaskan Produktiviti

Strategi A3
Menggalakkan Pelaburan Berkualiti

Bidang Fokus B
Pengukuhan Hubung Kait antara Sektor Ekonomi

Strategi B1
Memanfaatkan MVV 2.0 sebagai Katalis Perkukuh Hubungan Rantaian Perbekalan

Strategi B2
Menggalakkan Simbiosis Sektor Ekonomi

Bidang Fokus C
Sokongan Diversiti Ekonomi

Strategi C1
Menggalakkan Penghasilan Produk Industri yang Pelbagai dan Sofistikated

Strategi C2
Melonjakkan Penghasilan Industri Berasaskan Sumber dan Sumber Jaya

Bidang Fokus D
Penambahbaikan Pemantauan Pertumbuhan Sektoral Berasaskan Bukti

Strategi D1
Memperkemas Ekosistem Tadbir Urus Maklumat Sektoral

Bab 4 Isu dan Cabaran

01 Pembangunan Sektor Ekonomi yang Tidak Seimbang

Penilaian ke atas kesan pengganda nilai tambah berdasarkan Jadual Input-Output Negeri Sembilan telah menunjukkan pembangunan sektor ekonomi berada pada tahap yang tidak seimbang. Sektor pertanian di Negeri Sembilan sebagai contoh mempunyai kesan pengganda yang tinggi berbanding sektor ekonomi yang lain. Nilai kesan pengganda yang tinggi ini menunjukkan potensi sebenar sektor pertanian dalam menghasilkan sumber pendapatan kepada ekonomi negeri secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK hanyalah sebanyak 7.2% pada tahun 2020. Hal ini menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan antara potensi sedia ada dan prestasi sumbangan sektor pertanian kepada KDNK Negeri.

(Rujuk Paparan 4-4; RPNS 2021-2025).

02 Hubung Kait yang Lemah antara Sektor Ekonomi

Hubung kait antara sektor ekonomi dalam konteks Negeri Sembilan berada pada tahap yang agak longgar dan situasi ini juga dialami pada peringkat nasional dan negeri lain. Hal ini didorong oleh tiga faktor utama iaitu integrasi sektor ekonomi yang tidak kukuh, pergantungan pembekalan input dari luar negeri yang tinggi dan faedah berbanding yang tidak setara. Pembangunan Jadual Input-Output Negeri Sembilan membolehkan tahap integrasi sektor ekonomi dinilai berdasarkan indeks hubung kait ke hadapan (*forward*) dan ke belakang (*backward*). Dapatan kajian mendapati bahawa wujudnya kesan limpahan yang terhad oleh sektor ekonomi utama kepada ekonomi negeri. Contohnya seperti sektor pembuatan elektrik, elektronik dan optikal yang direkodkan menyumbang lebih 30.0% kepada keseluruhan KDNK sektor pembuatan telah menunjukkan hubung kait ekonomi yang longgar pada peringkat huluan dan hiliran. Hal ini disebabkan oleh empat faktor utama iaitu pergantungan import yang tinggi, penghasilan produk bernilai rendah, pengamalan aktiviti pengeluaran berintensif buruh dan penerimagunaan teknologi yang rendah. Selain itu, keupayaan industri tempatan terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam menyediakan input kepada sektor berkenaan juga merupakan antara faktor yang mengehadkan kesan limpahan.

(Rujuk Paparan 4-5; RPNS 2021-2025).

03 Pengeluaran Sektoral yang Kurang Kompleks dalam Rantaian Nilai

Pengeluaran produk yang kompleks dalam rantaian nilai merupakan aspek penting bagi penghasilan produk yang bernilai tinggi dan mampu berdaya saing dengan baik. Secara keseluruhannya, sektor ekonomi di Negeri Sembilan masih berada di bawah pencapaian indeks kompleksiti pada peringkat nasional.
(Rujuk Paparan 4-8; RPNS 2021-2025).

04 Kesukaran Mengenal Pasti Potensi Sektor Bernilai Tinggi

Kesukaran mengenal pasti potensi sektor bernilai tinggi menyumbang kepada ketidakcekapan peruntukan sumber yang boleh disalurkan bagi melonjakkan sektor ekonomi yang berdaya maju dan berpotensi tinggi. Pengenalpastian sektor bernilai tinggi memerlukan penilaian yang komprehensif dengan mengambil kira faktor kesan limpahan dan kebergantungan sektor ekonomi pada peringkat huluan dan hiliran. Potensi sebenar pembangunan sektoral tidak dapat dioptimumkan jika sektor berkenaan mempunyai tahap penyumberluaran yang tinggi dari negeri lain walaupun ia memiliki pengganda yang tinggi. Ketiadaan kerangka pemantauan dan penilaian impak sektoral yang dapat mengukur kebergantungan sektor ekonomi menyukarkan perancangan dan pembangunan sektoral.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Galakan Pertumbuhan Sektor Ekonomi Strategik

Strategi A1
Meningkatkan Daya Pengeluaran Sektor Ekonomi Strategik

I. Menyokong peralihan kepada sektor bernilai tinggi terutamanya sektor pembuatan yang akan mengambil manfaat daripada Pelan Komprehensif Pembangunan MVV 2.0.
II. Penerimagunaan teknologi akan dipertingkatkan untuk menyediakan penyelesaian berinovasi dalam proses pengeluaran dan meningkatkan produktiviti.
III. Peranan sektor perkhidmatan akan dipertingkatkan bagi mempercepat pertumbuhan pelbagai sektor perkhidmatan pada peringkat huluan dan hiliran yang berteraskan inovasi produk dan penerokaan pasaran baharu.

Strategi A2
Melonjakkan Pertumbuhan Sektoral Berasaskan Produktiviti

I. Galakan untuk menerima guna teknologi termaju akan difokuskan kepada sektor strategik yang mempunyai produktiviti tinggi terutamanya dalam sektor pembuatan bagi meningkatkan penghasilan produk yang lebih sofistikated dan pada masa yang sama memastikan penyertaan yang tinggi daripada pemain industri tempatan dalam Negeri Sembilan.
II. Nexus Produktiviti bagi sektor perdagangan borong dan runcit & makanan dan minuman yang diterajui oleh pemain industri akan dimanfaatkan bagi meningkatkan produktiviti sektor melalui peningkatan kemahiran buruh, penerimagunaan teknologi dan pertumbuhan industri.

Strategi A3
Menggalakkan Pelaburan Berkualiti

Perancangan peringkat sektoral sedia ada di bawah Pelan Komprehensif Pembangunan MVV 2.0 merupakan katalis kepada kemasukan pelaburan langsung swasta dan awam yang mampu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negeri. Pelaburan akan difokuskan kepada aktiviti perindustrian di koridor utama industri Seremban-Nilai-Port Dickson yang mengkhusus dalam industri berteknologi tinggi, mesra alam dan berintensif modal serta berkemahiran tinggi.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Pengukuhan Hubung Kait antara Sektor Ekonomi

Strategi B1
Memanfaatkan MVV 2.0 sebagai Katalis Perkukuh Hubungan Rantaian Perbekalan

Kawasan pembangunan *Heartbeat* dalam kawasan MVV 2.0 yang meliputi taman industri berteknologi tinggi, perbandaran pintar, Lembah Aeroangkasa Negeri Sembilan (NSAV) dan hab maritim bersepadu akan meningkatkan permintaan input pengeluaran industri utama dan seterusnya menggalakkan ekonomi bidangan dan aglomerasi aktiviti ekonomi dalam Negeri Sembilan. Usaha akan dipertingkatkan bagi memastikan kesan limpahan akan dirasai oleh pemain industri tempatan dalam Negeri Sembilan terutamanya PMKS.

Strategi B2
Menggalakkan Simbiosis Sektor Ekonomi

I. Mekanisme penghubung antara pembekal dan pengguna perlu dikembangkan menerusi platform digital dalam ekosistem perbekalan yang bersepadu. Selain itu, peranan hab logistik strategik berpusat akan diperkukuh bagi menambah baik ekosistem perbekalan.
II. Usaha akan digembleng bagi memanfaatkan kelebihan lokasi negeri yang terletak bersebelahan dengan Konurbasi Nasional yang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya

dan beberapa daerah di Selangor.

III. Inisiatif untuk meneroka potensi pertanian untuk pasaran Lembah Klang melalui konsep agropolis terutamanya di daerah Jempol, Tampin, Rembau dan Kuala Pilah akan dipergiat bagi mewujudkan jaringan hubung kait ekonomi yang kukuh antara Negeri Sembilan dan Konurbasi Nasional.

IV. Jalinan kerjasama dengan syarikat besar terutama syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar tempatan (LLC) akan diperkukuh bagi membolehkan syarikat PMKS mendapat akses kepada pasaran yang lebih besar. MNC dan LLC akan digalakkan untuk menggunakan input tempatan keluaran PMKS dalam rantaian bekalan input pengeluaran.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Sokongan Diversiti Ekonomi

Strategi C1
Menggalakkan Penghasilan Produk Industri yang Pelbagai dan Sofistikated

I. Peranan sektor perkhidmatan akan diperkasa bagi menambah nilai sektor pada peringkat huluan bagi menyokong penghasilan produk yang lebih berdaya saing tinggi.

II. Model pembangunan komprehensif MVV 2.0 yang menggabungkan sektor pembuatan dan perkhidmatan dalam satu ekosistem industri yang bersepadu merupakan adaptasi yang akan diterapkan dalam ekosistem industri di Negeri Sembilan.

Strategi C2
Melonjakkan Penghasilan Industri Berasaskan Sumber dan Sumber Jaya

Fokus akan diberikan untuk meningkatkan keupayaan sektor berasaskan sumber seperti pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, pemprosesan makanan, minuman dan produk tembakau untuk menjana nilai tambah yang tinggi selain memberikan kesan limpahan kepada sektor ekonomi lain. Sektor tersebut menjadi pendorong untuk menyokong penerokaan industri baharu atau industri sumber jaya yang berasaskan biosumber dan agromakanan melalui peranan aktif aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi menghasilkan produk berkualiti dan berorientasikan pasaran eksport.

Hala Tuju: Bidang Fokus D
Penambahbaikan Pemantauan Pertumbuhan Sektoral Berasaskan Bukti

Strategi D1
Memperkemas Ekosistem Tadbir Urus Maklumat Sektoral

I. Penglibatan agensi pemantau, agensi pelaksana dan industri dalam penggubalan dasar pada peringkat sektoral akan diperkukuh untuk mendapatkan hasil penilaian pelaksanaan dasar yang berkesan. Ekosistem yang mengkhusus kepada pemantauan sektor ekonomi berdasarkan model *triple helix* (kerajaan, industri dan institusi pendidikan) akan menambah baik perkongsian maklumat dan kepakaran antara semua pihak. Kerjasama ini membantu meningkatkan keseimbangan pembangunan sektoral di Negeri Sembilan.

II. Usaha Kerajaan Negeri dalam membangunkan pangkalan data peringkat sektoral menerusi Jadual Input-Output Negeri dan Daerah akan terus diperkukuh supaya proses penilaian impak projek pembangunan negeri dapat dijalankan secara berkesan dan menyokong pembuatan dasar berasaskan bukti.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
7.2%	Sumbangan KDNK Pertanian	7.3%
0.5%	Sumbangan KDNK Perlombongan & Pengkuarian	0.5%
36.2%	Sumbangan KDNK Pembuatan	34.9%
3.0%	Sumbangan KDNK Pembinaan	3.3%
51.4%	Sumbangan KDNK Perkhidmatan	52.5%

Bab 5

MEMPERKUKUH RANTAIAN NILAI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA

Bab 5

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Pewujudan Ekosistem PMKS yang Menyeluruh

Strategi A1
Menjajar Semula Takrifan PMKS

Bidang Fokus B

Lonjakan Pertumbuhan PMKS Berimpak Tinggi

Strategi B1
Merangsang Pembangunan Sektor PMKS Bernilai Tinggi

Strategi B2
Memperkasakan Jaringan Rantaian Perbekalan

Bidang Fokus C

Peningkatan Daya Saing PMKS

Strategi C1
Menggalakkan Penerimagunaan Teknologi

Strategi C2
Membangunkan Bakat Berkemahiran dan Berpengetahuan

Bab 5 Isu dan Cabaran

01 Ketidakseimbangan Ekosistem PMKS

Wujud perbezaan takrifan berbanding peringkat nasional disebabkan oleh tumpuan takrifan yang lebih ke arah spektrum keusahawanan. Sebagai contoh, aktiviti yang menghasilkan produk pertanian segar cuma ditakrifkan sebagai aktiviti pengeluaran produk pertanian. Namun begitu, sekiranya aktiviti tersebut turut menghasilkan produk hiliran (dengan mengambil kira konsep nilai tambah), ia akan ditakrifkan sebagai usahawan PMKS berasaskan pertanian. Tumpuan kepada spektrum keusahawanan sahaja tidak mencukupi dan akan wujud jurang antara perancangan pembangunan dengan aspek keberhasilan. Hal ini demikian kerana PMKS merupakan satu segmen ekonomi yang lebih meluas, melibatkan aspek keusahawanan, kerangka institusi dan rangka kerja pemantauan, akses sumber, sistem pengeluaran dan akses pasaran. Perbezaan takrifan juga memberikan implikasi besar kerana akan menjejaskan aspek pemantauan yang berkesan dan menyukarkan penilaian sumbangan PMKS kepada KDNK negeri.

02 Pertumbuhan PMKS Kurang Memberangsangkan

PMKS mendominasi jumlah pertubuhan perniagaan, namun statistik sumbangan PMKS kepada petunjuk ekonomi utama memberikan gambaran yang berbeza. Data pada tahun 2015 menunjukkan purata output yang dihasilkan oleh setiap PMKS di Negeri Sembilan hampir selari dengan purata nasional. Akan tetapi, penghasilan output ini masih berada pada tahap yang sederhana bagi keseluruhan PMKS Negeri Sembilan. Sumbangan PMKS kepada penghasilan nilai tambah juga didapati kurang ketara. Secara kasarnya, sumbangan PMKS di Negeri Sembilan dalam penghasilan nilai tambah berada pada tahap lebih rendah berbanding purata nasional. **(Rujuk Paparan 5-7 dan Paparan 5-8; RPNS 2021-2025)**

03 PMKS Kurang Berdaya Saing

Trend penciptaan peluang pekerjaan PMKS memberikan petunjuk ke atas kadar penggunaan teknologi yang mempengaruhi aspek daya saing. Kadar penciptaan peluang pekerjaan yang tinggi menunjukkan PMKS di Negeri Sembilan lebih berintensifkan buruh sekali gus memberi implikasi penting terhadap tahap produktiviti penghasilan output dan nilai ditambah.
(Rujuk Paparan 5-9; RPNS 2021-2025).

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Pewujudan Ekosistem PMKS yang Menyeluruh

Strategi A1
Menjajar Semula Takrifan PMKS

Penjajaran semula takrifan PMKS melalui pengukuhan dan penyeimbangan ekosistem menjadi kunci ke arah peralihan dan transformasi PMKS negeri. Keusahawanan dalam konteks PMKS perlu dilihat dari aspek peluang penceburan dalam aktiviti keusahawanan, minda keusahawanan dan bakat serta keupayaan menghasilkan produk baharu. Gabungan elemen ini akan menghasilkan kelompok usahawan yang mempunyai daya saing tinggi dan berdaya tahan dalam menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang terutamanya untuk mengharungi masalah kelembapan ekonomi dalam tempoh pasca krisis.

(Rujuk Paparan 5-10 dan Kotak Artikel 5.2; RPNS 2021-2025).

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Lonjakan Pertumbuhan PMKS Berimpak Tinggi

Strategi B1
Merangsang Pembangunan Sektor PMKS Bernilai Tinggi

I. Strategi pembangunan bersifat bawah ke atas (bottom-up) yang berlandaskan kepada kekuatan PMKS perlu diguna pakai dalam merangsang pembangunannya dengan menumpukan kepada sektor PMKS yang bernilai tinggi seperti pertanian, minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, pemprosesan makanan, minuman dan produk tembakau, utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi, perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan, dan kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

II. Bagi sektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan yang dilihat kurang memberi impak kepada produktiviti pengeluaran dan penghasilan nilai tambah, penumpuan kepada sektor ini harus bermula dengan pengukuhan dalam rantaian perbekalan antara segmen PMKS dan firma besar.

III. Perancangan pembangunan PMKS juga perlu dihubungkan kepada inisiatif pembangunan *flagship* negeri seperti pembangunan wilayah MVV 2.0 dan pembangunan kawasan industri berteknologi tinggi seperti Green Tech Park di Seremban 2.

Strategi B2
Memperkasakan Jaringan Rantaian Perbekalan

Pemerkasaan jaringan rantaian perbekalan terutamanya antara PMKS dengan firma besar perlu diperhebat. PMKS perlu dibentuk sebagai segmen ekonomi yang menyokong pembangunan MVV 2.0.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Peningkatan Daya Saing PMKS

Strategi C1
Menggalakkan Penerimagunaan Teknologi

I. Usaha perlu dipertingkatkan bagi mendorong peralihan PMKS kepada aktiviti pengeluaran bernilai tinggi di sepanjang rantaian perbekalan melalui penggunaan teknologi termaju dan automasi. PMKS juga akan terus digalakkan bagi menerima guna teknologi kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT), robotik dan data raya.

II. Galakan kerjasama antara PMKS dengan firma besar terutamanya syarikat multinasional dan syarikat milik kerajaan akan dipertingkatkan bagi mempercepat aspek penerimagunaan teknologi.

Strategi C2

Membangunkan Bakat Berkemahiran dan Berpengetahuan

I. Pembangunan bakat perlu dilaksanakan selari dengan aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 bagi melahirkan usahawan generasi baharu.
II. Program pembangunan usahawan akan terus dipertingkat bagi memupuk kelompok bakat yang mempunyai set kemahiran keusahawanan yang bertepatan dengan realiti dunia semasa.
III. Kelompok usahawan berinovatif juga akan dipertingkatkan terutamanya dalam sektor PMKS bernilai tinggi seperti pertanian, minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau, utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi,perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan dan kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
Tidak Tersedia	Penyertaan Usahawan Baharu	2.5% Setahun
Tidak Tersedia	Produktiviti Buruh	3.7% Setahun

Bab 6

MELONJAK PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Bab 6

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Peningkatan Tahap Sara Diri (SSL)

Strategi A1
Mengoptimumkan Penggunaan Tanah

Strategi A2
Meningkatkan Kapasiti Bekalan Input Makanan bagi Subsektor Ternakan dan Akuakultur

Strategi A3
Meningkatkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Berkemahiran Tinggi

Strategi A4
Memperkukuh Tadbir Urus Sektor Pertanian

Strategi A5
Sokongan Pembangunan Kerangka Pengurusan Perlindungan Pengeluaran

Bidang Fokus B

Pengukuhan Aktiviti Pertanian Bernilai Tinggi (HVA)

Strategi B1
Menghasilkan Padi MyGAP Negeri Sembilan

Strategi B2
Mengembangkan Aktiviti Tanaman Organik

Strategi B3
Mengukuhkan Jaringan Industri melalui Penambahbaikan Rantaian Nilai

Strategi B4
Mempercepat Peralihan Kaedah Pengeluaran Berteknologi Tinggi dalam Proses Pengeluaran

Strategi B5
Memperkukuh Strategi Pemasaran

Bab 6 Isu dan Cabaran

01 Ketidaktentuan Cuaca

Ketidaktentuan perubahan iklim kini menjadi semakin sukar untuk dijangka. Bencana besar seperti banjir kilat dan kemarau juga berlaku tanpa mengira tempat dan masa. Pada kebiasaannya, Malaysia menerima taburan hujan yang sedikit pada bulan-bulan tertentu iaitu ketika peralihan monsun seperti pada bulan Januari hingga Februari dan Jun hingga Julai. Namun begitu, keadaan ini tidak lagi berlaku di kebanyakan daerah Negeri Sembilan sebaliknya daerah ini menerima taburan hujan yang tinggi sehingga mengehadkan aktiviti harian. Taburan hujan ini turut memberi impak terhadap alam sekitar, hasil tanaman dan ternakan selain kesihatan akibat daripada perubahan suhu.

02 Penggunaan Tanah yang Tidak Optimum

Tanah hak milik individu yang berpotensi untuk dibangunkan di Negeri Sembilan seluas 8,189.4 hektar. Daripada jumlah ini, daerah Jelebu, Kuala Pilah, Port Dickson dan Tampin mempunyai keluasan tanah terbiar tertinggi berbanding daerah lain. **(Rujuk Paparan 6-9; RPNS 2021-2025)**. Terdapat tiga faktor yang telah dikenal pasti yang menyumbang kepada penggunaan tanah yang tidak optimum. Pertama, kekangan untuk mengenal pasti pemilik tanah terbiar menyebabkan kesukaran pembangunan tanah tersebut. Kedua, birokrasi dalam proses permohonan pajakan tanah yang mengambil masa yang panjang. Ketiga, kadar pajakan yang dikenakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) tinggi seiring dengan kadar komersial tanah di kawasan sekitar.

03 Keluasan Kawasan Bertanam dan Pengeluaran Padi yang Rendah

Walaupun mempunyai purata hasil padi per hektar yang lebih tinggi berbanding negeri di Semenanjung dan kawasan jelapang padi, keluasan bertanam dan pengeluaran padi di Negeri Sembilan adalah terendah di Malaysia. Antara faktor utama yang menerangkan situasi ini ialah keadaan geografi negeri yang berada di laluan Banjaran Titiwangsa yang membawa kepada bentuk muka bumi yang berbukit dan kurang sesuai untuk diusahakan dengan tanaman padi. Selain itu, keluasan kawasan bertanam padi juga semakin berkurangan dengan pertukaran status guna tanah daripada padi kepada tanaman atau pembangunan lain. Ini memberi kesan kepada saiz keluasan tanah yang boleh digunakan bagi tujuan penanaman padi dan menjadi cabaran kepada usaha penanaman berkelompok.

04 Peningkatan Harga Input Pertanian

Golongan petani di Negeri Sembilan amat bergantung kepada input pertanian yang diimport seperti baja, benih (tanaman) dan pelet makanan (ternakan dan akuakultur) oleh kerana kekurangan penawaran bekalan input domestik. Bagi subsektor tanaman, kebergantungan kepada baja import menyebabkan ia terdedah kepada perubahan harga pada peringkat global. Penularan wabak COVID-19 telah membawa kepada peningkatan ketara dalam harga baja di pasaran dunia disebabkan gangguan dalam rantaian nilai global. Setelah dunia mula beralih kepada proses pemulihan pasca-COVID, krisis geopolitik yang melibatkan pengeluar kedua terbesar baja di dunia iaitu Rusia dijangka akan terus mendorong peningkatan harga input ini.

05 Kekangan Input Makanan bagi Subsektor Ternakan dan Akuakultur

Bagi penternak, kenaikan harga kos input terutamanya pada makanan ternakan yang semakin ketara dan kerap menyebabkan mereka perlu mencari alternatif kepada sumber makanan semasa seperti rumput Napier. Walau bagaimanapun, pengeluaran rumput Napier di Negeri Sembilan masih tidak mencukupi kerana bilangan pengusaha yang kecil dan kapasiti pengeluaran yang rendah. **(Rujuk Paparan 6-12; RPNS 2021-2025)**. Bagi subsektor akuakultur pula, pengusaha berhadapan dengan isu peningkatan harga pelet makanan seperti dedak. Ditambah dengan kebergantungan kepada sumber input makanan yang diimport dari negeri luar, situasi ini mengakibatkan peningkatan jumlah kos input keseluruhan disebabkan tambahan kos bagi perkhidmatan pengangkutan.

06 Kekurangan Penglibatan Tenaga Buruh Berkemahiran Tinggi dan Adaptasi Teknologi dalam Aktiviti Pertanian

Jumlah tenaga buruh berkemahiran tinggi hanya menyumbang sebanyak 1.2% hingga 2.0% daripada keseluruhan tenaga buruh sektor pertanian di Negeri Sembilan. Jurang yang ketara ini berpunca daripada persekitaran tempat kerja yang kurang kondusif dan kadar upah yang rendah. Dalam pada itu, walaupun dasar berkaitan penerimagunaan teknologi dan automasi dalam sektor pertanian jelas digariskan pada peringkat persekutuan, pelaksanaan dasar tersebut masih tidak berlaku secara menyeluruh pada peringkat negeri. Penerimagunaan teknologi dan automasi dalam sektor pertanian juga berada pada tingkat tahap yang rendah disebabkan kurang keyakinan dalam kalangan petani untuk melabur, kekangan maklumat berkaitan bantuan kewangan dan petani lebih selesa untuk mengekalkan sistem pengeluaran konvensional.

07 Ketiadaan Skim Perlindungan Pengeluaran Hasil Pertanian

Ketiadaan skim perlindungan pengeluaran mendedahkan aktiviti pertanian kepada pelbagai risiko kerugian. Sebagai contoh, ketidaktentuan sistem iklim dan cuaca yang menyebabkan bencana banjir pada penghujung 2021 telah menyebabkan kerugian besar kepada para petani. Selain itu, penularan wabak penyakit dan serangan makhluk perosak turut menjadi kekangan untuk mempertingkatkan pengeluaran sektor pertanian di Negeri Sembilan. Ternakan lembu pula terdedah kepada risiko jangkitan penyakit Pleuropneumonia Berjangkit Bovin (CBPP). Tanpa sokongan skim sebegini, petani berskala kecil akan kekal kurang berdaya saing disebabkan ketidakyakinan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran kerana kemungkinan peningkatan risiko kerugian.

08 Kelemahan Jaringan Industri antara Sektor Pertanian dengan Sektor Ekonomi Lain

Struktur rantaian perbekalan sektor pertanian yang berbentuk sehala berbanding dengan sektor pembuatan menyebabkan wujud jaringan industri yang lemah. Arah jaringan industri sektor pertanian lebih tertumpu kepada sektor minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman & produk tembakau. Situasi ini bermaksud sektor pertanian secara asasnya bertindak sebagai sokongan kepada aktiviti pemprosesan pada peringkat hiliran. (Rujuk Paparan 6-14; RPNS 2021-2025).

Selain daripada itu, sebahagian daripada hasil pertanian di Negeri Sembilan dilihat mengalami kebocoran langsung disebabkan kebanyakan hasil segar dipasarkan terus kepada pengguna tanpa melalui aktiviti tambah nilai. Melihat kepada industri padi, kebocoran langsung berlaku disebabkan ketiadaan kilang pemprosesan padi tempatan yang menyebabkan hasil padi Negeri Sembilan perlu dihantar ke kilang terdekat di negeri lain seperti Melaka dan Johor. Faktor utama yang membawa kepada perkara ini ialah tahap pengeluaran padi yang rendah di Negeri Sembilan yang tidak akan memberikan pulangan modal kepada pelaburan untuk pembangunan kilang pemprosesan padi. Analisis juga menunjukkan bahawa hasil pertanian Negeri Sembilan seperti sayur-sayuran lebih banyak dipasarkan di luar negeri berbanding dalam pasaran domestik. Hal ini disebabkan hasil pertanian Negeri Sembilan bergantung kepada saluran pengumpulan dan pengedaran di negeri Selangor sebelum aktiviti pemasaran semula dijalankan. (Rujuk Paparan 6-15; RPNS 2021-2025). Dalam pada masa yang sama, petani kecil juga sukar untuk memasarkan produk pertanian secara terus kepada pemborong di pasar besar seperti Pasar Besar Seremban kerana kapasiti pengeluaran yang rendah dan kemudahan logistik yang terhad.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Peningkatan Tahap Sara Diri (SSL)

Strategi A1
Mengoptimumkan Penggunaan Tanah

Wujud keperluan untuk kawasan tanah terbiar hak milik individu dan tanah rizab padang ragut yang belum diusahakan sepenuhnya untuk dikenal pasti, disaring dan dibangunkan mengikut kesesuaian aktiviti pertanian.

I. Proses pembangunan bagi kawasan tanah berkenaan boleh dilakukan melalui beberapa kaedah dengan salah satu daripadanya melalui kaedah pajakan kepada pengusaha yang berminat.
II. Selain daripada aktiviti pertanian makanan, tanah berkenaan juga boleh dimanfaatkan untuk penambahbaikan kapasiti bekalan makanan ternakan melalui penanaman rumput Napier.
III. Tumpuan perlu diberikan kepada empat buah daerah yang terlibat dalam pembangunan Agropolis iaitu Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin. Kawasan tanah di Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin boleh dimanfaatkan bagi aktiviti ternakan, tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagi Kuala Pilah, daerah ini juga boleh dibangunkan sebagai daerah akuakultur disebabkan keluasan tanah terbiar yang tertinggi berbanding daerah Agropolis yang lain.

Strategi A2
Meningkatkan Kapasiti Bekalan Input Makanan bagi Subsektor Ternakan dan Akuakultur

Langkah untuk menggalakkan keterlibatan sektor swasta dalam rantaian pembekalan input makanan merupakan langkah perlu bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengimbangi peningkatan harga bahan makanan yang semakin ketara. Galakan keterlibatan sektor swasta akan dilakukan melalui pelbagai kaedah melibatkan penawaran pakej insentif kewangan dan bukan kewangan. Insentif akan difokuskan kepada sektor swasta yang berinovatif dalam mengubah sisa buangan pertanian dan pemprosesan dalam industri makanan dan minuman sebagai makanan alternatif ternakan ke arah mengurangkan kadar kebergantungan terhadap bahan asas pelet yang diimport.

Ternakan ruminan:

I. Galakan akan terus diberikan kepada penternak, pengusaha dan GLC untuk mengusahakan aktiviti tanaman rumput Napier bagi meningkatkan kuantiti penawaran bahan makanan alternatif ini kepada penternak,
II. Tanah terbiar juga akan dimanfaatkan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran rumput Napier bagi menampung permintaan domestik untuk makanan ternakan. Bagi meminimumkan kos permulaan operasi tanaman rumput Napier, insentif boleh diberikan kepada pengusaha untuk menyewa jentera pertanian,
III. Menggalakkan penanaman rumput menggunakan kaedah fodder juga merupakan antara alternatif yang akan diberi tumpuan bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan dedak,
IV. Penternak akan terus digalakkan untuk mengusahakan penanaman rumput secara sampingan dengan menggunakan kaedah hidroponik dalam sistem yang terkawal daripada segi suhu, air, pencahayaan dan boleh dituai sepanjang tahun.

Perikanan:

Penghasilan input makanan boleh memanfaatkan sisa daripada industri ternakan ayam yang boleh diproses atau dirumus semula untuk menjadi sumber makanan ternakan. Kajian awal terhadap pembangunan sumber makanan baharu berasaskan sisa daripada industri ternakan ayam menunjukkan sisa tersebut mengandungi tahap nutrien yang baik.

Strategi A3

Meningkatkan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Berkemahiran Tinggi

I. Bagi menggalakkan penyertaan golongan muda, sokongan akan diberikan dengan penyediaan pelbagai skim bantuan bermula daripada aktiviti memulakan perniagaan dalam bentuk geran padanan sehinggalah produk tiba di pasaran melalui padanan saluran pemasaran.

II. Kadar penawaran gaji terutamanya dalam segmen pertanian yang diterajui oleh sektor swasta perlu dikaji semula agar ianya setimpal dengan bidang tugas yang diberikan dan tidak di sama ratakan dengan kadar bayaran dan kebajikan pekerja asing.

III. Pusat Pertanian Ampang Tinggi di Kuala Pilah pula boleh dinaiktaraf bagi meningkatkan peluang pekerjaan tenaga buruh berkemahiran tinggi. Keluasan kawasan sedia ada di bangunan pusat pertanian ini disarankan untuk ditambah baik di samping mengamalkan sistem pertanian yang tertutup secara menegak dan bertingkat. Makmal yang lengkap dengan penggunaan teknologi moden perlu disediakan seperti sistem perisian operasi pemantauan data tanaman yang menggunakan teknologi Artificial Intelligent (AI) untuk menggalakkan amalan pertanian tepat. Tanaman sayuran akan diberi keutamaan dalam pusat pertanian ini dengan kelengkapan kemudahan seperti penyediaan bilik dengan rak tanaman dan sumber cahaya fluorescent atau LED, mesin dan sistem pengairan yang lengkap, kawalan tekanan udara serta suhu bilik yang optimum bagi mengelakkan pembiakan bakteria dan jangkitan pokok.

IV. Usaha berterusan digerakkan untuk menaiktaraf kemudahan pusat penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) di daerah Jelebu dan membangunkan kemudahan baharu di daerah Jempol. Penaiktarafan dan pembangunan baharu Taman Agro Penyelidikan yang berada di bawah seliaan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bertujuan untuk memperkukuhkan pembangunan sektor pertanian, memperbaiki kualiti hidup petani dan memastikan kelestarian penggunaan tanah dengan memaksimumkan pengeluaran. Peranan kompleks ini juga perlu diperhebat melalui sokongan daripada jabatan, agensi dan institusi pengajian tinggi.

Strategi A4

Memperkukuh Tadbir Urus Sektor Pertanian

Usaha akan dilaksanakan untuk memantapkan tadbir urus antara pihak yang terlibat dalam sektor pertanian melalui mekanisme menambah baik pentadbiran dan meningkatkan keupayaan pembuat keputusan. Daripada aspek pengurusan tanah pertanian, pemantauan melalui jawatankuasa peringkat tertinggi perlu dilakukan bagi memastikan setiap permohonan tanah yang diterima menepati garis masa yang telah ditetapkan dalam Key Performance Indicator (KPI). Sekiranya terdapat permohonan yang dijangka mengambil masa melebihi ketetapan dalam KPI, satu mesyuarat khas perlu dilaksanakan bagi memastikan permohonan tersebut dapat diluluskan dalam garis masa yang telah ditetapkan.

Strategi A5

Sokongan Pembangunan Kerangka Pengurusan Perlindungan Pengeluaran

Bagi mewujudkan ekosistem sektor pertanian yang kondusif, inisiatif akan diambil pada peringkat Negeri Sembilan untuk menyokong proses pembangunan kerangka pengurusan perlindungan pengeluaran hasil pertanian di Malaysia. Kerjasama daripada pihak seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF), Jabatan Pertanian Persekutuan dan Negeri serta syarikat insurans diperlukan untuk mewujudkan ekosistem perlindungan pengeluaran sektor pertanian yang menyeluruh. Dengan kewujudan skim pada peringkat nasional, risiko dan kadar premium akan menjadi lebih rendah. Insurans indeks merupakan salah satu mekanisme pengurusan risiko yang sesuai di atas kemampuan skim insurans ini membantu petani berskala kecil untuk berdaya tahan semasa menghadapi kejutan bencana alam seperti kemarau dan banjir.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Pengukuhan Aktiviti Pertanian Bernilai Tinggi (HVA)

Strategi B1
Menghasilkan Padi myGAP Negeri Sembilan

Penghasilan padi MyGAP Negeri Sembilan merupakan satu strategi ampuh yang mampu menyumbang kepada pengukuhan aktiviti pertanian bernilai tinggi. Melalui pensijilan MyGAP, harga hasil padi yang dipasarkan akan dapat ditingkatkan sekali gus memberikan manfaat langsung kepada ekonomi negeri dan meningkatkan pendapatan petani. Bagi memperkemas lagi usaha ini, pelaburan untuk pembelian mesin pemprosesan padi berskala kecil boleh dilakukan bagi memproses hasil padi kepada beras MyGAP.

Strategi B2
Mengembangkan Aktiviti Tanaman Organik

Selain daripada memacu pengukuhan aktiviti pertanian bernilai tinggi, pengembangan aktiviti tanaman organik juga merupakan strategi penyelesaian kepada krisis peningkatan harga input import seperti baja dan racun perosak yang berada di luar kawalan pengusaha.

Strategi B3
Mengukuhkan Jaringan Industri melalui Penambahbaikan Rantaian Nilai

Pengukuhan jaringan industri melalui penambahbaikan dalam rantaian nilai akan membantu mewujudkan ekosistem pertanian bernilai tinggi. Perkara ini boleh dicapai dengan membangunkan aktiviti pertanian huluan sebagai satu sistem sokongan kepada industri hiliran. Pemain industri tidak lagi perlu menumpukan kepada penjualan hasil segar tetapi perlu beralih kepada penjualan produk yang telah diproses. Melalui kaedah ini, aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada permintaan daripada pengguna akhir tetapi turut menjadi pembekal input perantaraan kepada industri lain.

Strategi B4
Mempercepat Peralihan Kaedah Pengeluaran Berteknologi Tinggi dalam Proses Pengeluaran

I. Usaha untuk menambah baik penyebaran maklumat mengenai teknologi pertanian pintar akan dilakukan. Pengukuhan sistem Agriculture *Flagship* (AgF) yang dilaksanakan pada peringkat nasional, membolehkan petani dan pemain industri sektor pertanian saling berkongsi maklumat dengan sokongan data yang bersepadu dan mengandungi maklumat analitikal. Di samping itu, sesi perkongsian penggunaan teknologi pertanian pintar ini akan dilaksanakan secara berkala dalam komuniti petani dan pemain industri bagi meningkatkan penerimaan petani dalam penggunaan teknologi pertanian pintar.

II. Mewujudkan mekanisme pembiayaan bagi mempercepatkan pemodenan sektor pertanian melalui geran padanan. Geran ini akan menyediakan peluang kepada petani untuk memodenkan sektor pertanian terutama dalam proses pengeluaran dan dijangka akan dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran.

III. Menggalakkan penglibatan pembekal teknologi bagi memastikan setiap petani mempunyai akses terhadap penggunaan teknologi ini. Antara program yang telah dikenal pasti adalah seperti progam eLadang yang akan ditambah baik bagi memastikan penglibatan penyedia teknologi terus bertambah dalam memperkenal teknologi moden dan penyelesaian pendigitalan kepada petani.

Strategi B5
Memperkukuh Strategi Pemasaran

I. Mempertimbangkan untuk mewujudkan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan yang tertumpu di daerah Tampin dan Rembau. Pusat ini bertujuan untuk memudahkan proses pemasaran hasil pertanian sama ada melalui agensi pelaksana mahupun petani sendiri. Antara lokasi yang telah dikenal pasti ialah Tampin Tengah, Gemencheh dan Gemas. Di samping itu, ekosistem rantaian perbekalan juga perlu dirancang dengan mengambil kira dapatan daripada analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT) untuk mengelakkan pusat pengumpulan ini gagal

beroperasi. Justeru itu, amat penting kepada kerajaan negeri melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan terlebih dahulu agar manfaat dan kos ekonomi dapat dikenal pasti.

II. Mewujudkan zon promosi produk tempatan secara bersasar dan berpusat seperti hab pemasaran produk agro dan industri makanan seperti di Kuala Pilah. Antara kawasan tumpuan pemasaran yang berpotensi ialah R&R Ulu Bendul, Medan Selera Parit Tinggi dan Jemapoh. Zon promosi ini akan berfungsi untuk memasarkan hasil pertanian dengan sokongan pembangunan Agrobazaar Rakyat (ABR) dan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) yang berskala besar.

III. Meningkatkan aktiviti pemasaran melalui penggunaan e-teknologi seiring sistem pemasaran nasional, khusus kepada daerah yang terlibat dalam pembangunan Agropolis akan digerakkan.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
7.2%	Sumbangan KDNK Pertanian	7.3%
8.0%	Sumbangan Guna Tenaga	8.7%
4.0% Setahun	Pertumbuhan KDNK Agromakanan	4.4% Setahun
36.0% Pada tahun 2019	SSL Daging Lembu/Kerbau	38-40%
Tidak Tersedia	Gaji dan Upah	RM 3,000

Bab 7

MENGOPTIMUMKAN POTENSI PELANCONGAN

Bab 7

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Pemanfaatan Limpahan Ekonomi dan Teknologi Digital

Strategi A1
Pemerkasaan Hubung Kait Pelancongan dan Sektor Lain Melalui Integrasi Sektoral

Strategi A2
Mengoptimumkan Potensi Pelancongan Melalui Adaptasi Digital

Bidang Fokus B

Pengukuhan Potensi Produk Pelancongan

Strategi B1
Memperkukuh Sumbangan Produk Pelancongan Sedia Ada

Strategi B2
Penetapan Sasaran Segmen Pelancongan

Bab 7 Isu dan Cabaran

01 Pertumbuhan Bilangan Pelawat Domestik yang Sederhana

Walaupun mempunyai pelbagai destinasi pelancongan yang menarik, bilangan pelawat domestik di Negeri Sembilan bertumbuh pada kadar sederhana iaitu sebanyak 3.9% dalam tempoh 2018-2019. Kadar pertumbuhan menyaingi pertumbuhan pelawat domestik di negeri tumpuan utama seperti Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak. Namun daripada perspektif bilangan kehadiran pelawat, Negeri Sembilan merupakan antara negeri yang menerima kehadiran pelawat domestik terendah di Malaysia.
(Rujuk Paparan 7-3; RPNS 2021-2025).

02 Jumlah dan Purata Terimaan Pelancongan Domestik Masih Rendah

Secara amnya, bilangan pelawat domestik yang rendah akan menyebabkan jumlah terimaan perbelanjaan pelancongan yang rendah. Faktor utama yang menyumbang kepada situasi ini ialah bilangan saiz pelawat harian adalah lebih besar berbanding saiz pelawat yang bermalam (pelancong) di Negeri Sembilan. Mengikut rekod, saiz kehadiran pelawat harian di Negeri Sembilan meningkat daripada 47% pada tahun 2016 kepada 55% pada tahun 2019. Oleh kerana jumlah perbelanjaan pelawat bermalam adalah lebih besar berbanding dengan pelawat harian, senario ini akan memberi impak negatif kepada penjanaan KDNK dan hasil Kerajaan Negeri.
(Rujuk Paparan 7-4; RPNS 2021-2025).

03 Potensi Produk Pelancongan yang Tidak Optimum

Sepanjang tempoh 2017-2019, pertumbuhan purata terimaan daripada setiap pelawat domestik di Negeri Sembilan didapati lebih perlahan iaitu pada kadar 0.5% setahun berbanding negeri-negeri lain seperti Johor (2.0%), Pulau Pinang (0.6%) dan Melaka (3.7%). Walau bagaimanapun, jumlah pelawat domestik meningkat sebanyak 10.9% dalam tempoh yang sama iaitu daripada 10.8 juta orang pada tahun 2017 kepada 13.3 juta orang pada tahun 2019. Pertumbuhan terimaan yang lebih perlahan ini menunjukkan bahawa perbelanjaan pelancongan masih belum mencapai tahap yang optimum, walaupun lebih ramai pelawat domestik mengunjungi pelbagai destinasi menarik di Negeri Sembilan. Hal ini kerana potensi produk pelancongan domestik sedia ada tidak dimaksimumkan bagi menarik minat pelancong untuk berbelanja pada produk pelancongan di Negeri Sembilan.

04 Kekangan Ketersediaan Data Menyukarkan Pemantauan dan Pembangunan Pelancongan

Berdasarkan sistem perangkaan sedia ada, terdapat dua kekangan utama dalam memantau kehadiran pelancong ke Negeri Sembilan. Kekangan pertama ialah perangkaan pelancongan yang tidak bersifat masa nyata memberi kekangan kepada intervensi dan pemantauan prestasi sektor pelancongan. Keadaan ini menyukarkan pihak Kerajaan Negeri merangka tindak balas melalui Dasar Pelancongan Aktif yang lebih responsif kepada perubahan pasaran. Kekangan kedua pula ialah cerapan data sedia ada kebanyakannya bergantung kepada tinjauan pasaran yang memberikan implikasi kewangan yang tinggi. Kebanyakan negara dan agensi pelancongan antarabangsa seperti World Tourism Organization (UNWTO) telah mengadaptasi penggunaan teknologi digital dalam menjejak dan memantau pergerakan pelancong. Walau bagaimanapun, aplikasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sedia ada masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di Negeri Sembilan.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Pemanfaatan Limpahan Ekonomi dan Teknologi Digital

Strategi A1
Pemerkasaan Hubung Kait Pelancongan dan Sektor Lain Melalui Integrasi Sektoral

I. Walaupun sektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan memainkan peranan penting sebagai sektor strategik di Negeri Sembilan, ruang dan peluang untuk memperkasa pertumbuhan dan kesan limpahan sektor pelancongan masih terbuka, terutamanya dari perspektif hubung kait ekonomi. Nilai hubung kait ke belakang yang masih rendah antara 0.92 dan 0.94 menyebabkan situasi ini secara langsung membuktikan kebergantungan sektor tersebut kepada input yang dibekalkan dari negeri lain.

II. Rangsangan untuk hubung kait ke belakang boleh dilakukan dengan memperkukuh rantaian nilai antara sektor pelancongan dengan sektor ekonomi lain yang menjadi pembekal input kepada sektor pelancongan. Rangsangan ini boleh dilakukan melalui integrasi sektor pelancongan dengan sektor-sektor lain. Contohnya, sektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan perlu mengutamakan input yang dihasilkan oleh pengusaha aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan serta pengusaha aktiviti hiliran dalam negeri bagi menyokong aktiviti ekonomi sektor tersebut. Integrasi sektoral ini bukan sahaja dapat meningkatkan pertumbuhan sektor pelancongan malah turut membantu membangunkan sektor-sektor lain.

Strategi A2
Mengoptimumkan Potensi Pelancongan Melalui Adaptasi Digital

I. Kaedah pendigitalan juga boleh digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam mencerap data pelancongan negeri pada masa hadapan sejajar dengan amalan negara maju. Kaedah cerapan data masa nyata di pintu masuk kawasan pelancongan seperti kod QR dan kiosk dapat memberikan data yang lebih tepat dan cepat mengenai profil dan trend kehadiran pelancong.

II. Selain itu, sokongan Kerajaan Negeri dalam mengadakan pusat sehenti maklumat pelancongan secara dalam talian juga penting dalam mempromosikan produk pelancongan negeri dan memudahkan carian maklumat dengan menyediakan satu platform khas yang boleh diguna pakai oleh pelbagai agensi pelancongan.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Pengukuhan Potensi Produk Pelancongan

Strategi B1
Memperkukuh Sumbangan Produk Pelancongan Sedia Ada

I. Tinjauan berskala kecil di bawah Kajian Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan mendapati pelawat domestik bersetuju jika produk pelancongan pantai diperkukuh lagi dengan menyediakan fasiliti membeli-belah dan penawaran produk buatan tempatan terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

II. Penyediaan fasiliti Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) bertaraf antarabangsa yang berkonsepkan pantai juga mampu menarik kehadiran pelancong antarabangsa.

III. Produk pelancongan sedia ada perlu beralih kepada matlamat pelbagai dimensi dengan mengintegrasikan produk pelancongan lain dalam mencapai objektif pertumbuhan ekonomi yang holistik. Terdapat empat konsep pelancongan yang mampan iaitu pelancongan berasaskan sosial, budaya, ekonomi dan alam semula jadi yang merangkumi pelbagai - produk pelancongan. Kebanyakan segmen pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti ekopelancongan dan pantai boleh diintegrasikan bersama pelancongan berasaskan budaya dan ekonomi bagi mempromosikan makanan, barangan, budaya, pendidikan dan peranan komuniti setempat.

Strategi B2

Penetapan Sasaran Segmen Pelancongan

Pelancongan pantai masih menjadi produk pelancongan utama di Negeri Sembilan dengan potensi penambahbaikan bagi memaksimumkan impak kepada ekonomi negeri. Walau bagaimanapun, produk pelancongan berasaskan rimba iaitu ekopelancongan; dan pelancongan adat dan warisan yang ada di Negeri Sembilan juga dilihat mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi memperkukuh sektor pelancongan di Negeri Sembilan. Oleh itu, strategi penumpuan produk pelancongan 60:30:10 iaitu pelancongan pantai (60%); ekopelancongan (30%); dan pelancongan adat dan warisan (10%), boleh dijadikan pertimbangan dalam pembangunan dan perancangan produk pelancongan di Negeri Sembilan.



Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
-0.4% Setahun	Pertumbuhan Guna Tenaga	0.7% Setahun
-6.0% Setahun	Pertumbuhan Pelawat Domestik	7.6% Setahun
4.8%	Peratus Sumbangan Terimaan Pelancongan Kepada KDNK	7.9%

Bab 8

LUAR BANDAR MENDASARI PERTUMBUHAN MAMPAN DAN INKLUSIF

Bab 8

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Pembangunan Ekonomi Berdaya Maju

Strategi A1
Memperkasa Pertumbuhan Ekonomi Luar Bandar Secara Holistik dan Bersepadu

Strategi A2
Menggerak Perubahan Ekonomi Luar Bandar Berasaskan Sumber Kekayaan Baharu

Bidang Fokus B

Penambahbaikan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar

Strategi B1
Meningkatkan Penyediaan Infrastruktur Fizikal Luar Bandar

Strategi B2
Membangun Penempatan yang Sejahtera Berteraskan Identiti Luar Bandar

Bidang Fokus C

Peningkatan Keupayaan Komuniti Luar Bandar

Strategi C1
Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat yang Saksama

Strategi C2
Menyediakan Landasan Mobiliti Sosial Menerusi Pendidikan

Strategi C3
Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan Luar Bandar Berorientasikan Inovasi dan Teknologi

Bidang Fokus D

Pengukuhan Kesejahteraan Komuniti Luar Bandar

Strategi D1
Memperkukuh Tadbir Urus Komuniti Luar Bandar

Strategi D2
Meningkatkan Daya Huni Luar Bandar

Bab 8 Isu dan Cabaran

01 Jurang Pembangunan antara Daerah yang Melebar

Perancangan pembangunan yang lebih terarah kepada kawasan bandar boleh menjejaskan keseimbangan ekonomi negeri menyebabkan berlakunya kesan herotan kepada ekonomi luar bandar seterusnya mengakibatkan jurang pembangunan antara daerah yang melebar. Perangkaan menunjukkan sumbangan aktiviti ekonomi di kawasan bandar iaitu Seremban dan Port Dickson telah mendominasi hampir 80% kepada keseluruhan penjanaan KDNK Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, lima daerah luar bandar di Negeri Sembilan hanya mewakili 35.3% daripada KDNK daerah Seremban. Justeru, situasi ini memberikan gambaran bahawa jurang pembangunan masih signifikan antara bandar dan luar bandar.

02 Penumpuan Sektoral yang Kurang Strategik

Pertumbuhan ekonomi luar bandar yang didasari oleh sektor yang kurang strategik menyebabkan kesan limpahan ekonomi tidak dapat dioptimumkan bagi menyokong pembangunan ekonomi negeri dan menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada rakyat. Hal ini dibuktikan oleh pencapaian KDNK sektor ekonomi yang masih rendah berbanding keupayaan sebenar yang diukur melalui impak pengganda nilai ditambah yang dianggar melalui Kajian Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan. Sebagai contoh, hasil analisis menunjukkan sektor perkhidmatan mendominasi sumbangan KDNK di daerah Jelebu dan Tampin walaupun sektor berkenaan dilihat mempunyai impak pengganda nilai ditambah yang lebih rendah berbanding sektor pertanian. Situasi ini menunjukkan keupayaan sektor pertanian di kedua-dua daerah tersebut masih belum dioptimumkan sepenuhnya bagi menjana pertumbuhan ekonomi berasaskan pengeluaran produk pertanian.

03 Jurang Ketercapaian dan Ketersambungan Infrastruktur

Kekurangan kawasan perindustrian yang berimpak tinggi dan kepadatan penduduk yang rendah di kawasan luar bandar menyebabkan ketercapaian dan ketersambungan infrastruktur lebih rendah berbanding kawasan bandar. Selain itu, pembangunan infrastruktur telekomunikasi juga kurang menyeluruh di kawasan luar bandar. Hal ini mengehadkan ketersediaan perkhidmatan teknologi ICT yang membantu merangsang aspek pendigitalan luar bandar.

(Rujuk Paparan 8-10 dan Paparan 8-11; RPNS 2021-2025)

Bab 8 Isu dan Cabaran

04 Pembangunan Perniagaan yang Kurang Berdaya Saing

Terdapat perbezaan ketara antara peratusan sumbangan KDNK per usahawan di kawasan bandar dan luar bandar yang mana sumbangan KDNK per usahawan yang lebih rendah di kawasan luar bandar. Hal ini menunjukkan produktiviti usahawan luar bandar yang kurang berdaya saing. Selain itu, produktiviti usahawan juga berbeza antara daerah di luar bandar. Sebagai contoh, KDNK per usahawan bagi daerah Tampin menunjukkan sumbangan RM12.7 juta per usahawan berbanding Jempol (RM10.9 juta), walaupun Jempol merekodkan saiz KDNK dan bilangan usahawan aktif yang lebih tinggi.

(Rujuk Paparan 8-12; RPNS 2021-2025)

05 Peralihan Struktur Penduduk Menua Memperlahan Pertumbuhan Produktiviti

Taburan penduduk berumur 15-64 tahun di kawasan luar bandar masih mendominasi struktur penduduk yang menunjukkan ketersediaan tenaga buruh untuk menyokong aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penduduk berumur 65 tahun ke atas menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi berbanding kelas umur yang lain. Hal ini menunjukkan wujudnya peralihan struktur penduduk menua yang lebih pantas berbanding kadar pertumbuhan penduduk berumur 0–14 tahun. Secara keseluruhannya, situasi ini memberikan cabaran kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar kerana pertumbuhan penduduk menua yang tinggi akan mengurangkan ketersediaan tenaga buruh produktif di kawasan luar bandar, selain menyumbang kepada peningkatan nisbah tanggungan yang boleh mempengaruhi beban ekonomi kepada penduduk bekerja.

(Rujuk Paparan 8-13; RPNS 2021-2025)

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Pembangunan Ekonomi Berdaya Maju

Strategi A1

Memperkasa Pertumbuhan Ekonomi Luar Bandar Secara Holistik dan Bersepadu

I. Usaha akan ditumpukan untuk memperkasa aktiviti ekonomi luar bandar berasaskan kepada faktor kekuatan ekonomi setempat.
II. Transformasi luar bandar yang didasari konsep pembangunan Agropolis bagi sektor pertanian akan terus dikukuhkan.
III. Bagi sektor perkhidmatan dan pembuatan pula, ketersediaan asas industri sokongan dalam rantaian perbekalan menerusi pembangunan MVV 2.0 akan dijadikan asas pertumbuhan yang holistik dan bersepadu.

Strategi A2

Menggerak Perubahan Ekonomi Luar Bandar Berasaskan Sumber Kekayaan Baharu

I. Aktiviti pelancongan berasaskan pertanian dan sumber alam semula jadi seperti agropelancongan dan ekopelancongan akan dimanfaatkan untuk menjana hasil pendapatan yang lebih baik untuk masyarakat luar bandar. Integrasi produk setempat dengan sektor pelancongan akan diteroka untuk mewujudkan pakej produk yang bernilai tinggi.
II. Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan kemahiran komuniti luar bandar membolehkan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan penduduk setempat dapat diterapkan untuk menghasilkan produk luar bandar yang lebih berdaya maju, unik dan mampu bersaing ke peringkat yang lebih tinggi.
III. Menggalakkan pewujudan produk *niche* di kawasan luar bandar bagi memberikan faedah berbanding dan meningkatkan daya saing ekonomi negeri.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Penambahbaikan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar

Strategi B1

Meningkatkan Penyediaan Infrastruktur Fizikal Luar Bandar

I. Lokasi strategik akan dikenal pasti bagi menambah baik akses jalan raya untuk menyokong perkembangan aktiviti ekonomi, terutamanya bagi industri berimpak tinggi.
II. Pembaikan dan penyelenggaraan jalan sedia ada juga akan dilaksanakan secara efektif bagi mengekalkan kestabilan struktur jalan dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya di luar bandar.
III. Penyediaan perkhidmatan Internet dan telekomunikasi akan dibangunkan dengan mengoptimumkan ketersediaan prasarana dan teknologi perkhidmatan ICT yang responsif ke arah persekitaran IoT bagi melonjakkan taraf hidup masyarakat luar bandar.
IV. Kajian khas akan dipertimbangkan bagi mengumpul data mengenai keperluan peningkatan jenis perkhidmatan kesihatan terutamanya di kawasan yang jauh daripada hospital daerah seperti kawasan penempatan Orang Asli dan juga kawasan yang mempunyai ramai penduduk berusia 60 tahun ke atas.

Strategi B2

Membangun Penempatan yang Sejahtera Berteraskan Identiti Luar Bandar

I. Tumpuan akan diberikan kepada penyediaan perumahan yang selesa, mampu milik, berkualiti dan mempunyai kemudahan prasarana yang mencukupi dan berdaya tampung serta akan diselaraskan dengan Dasar Perumahan Negeri Sembilan.
II. Pengekalan warisan dan budaya akan ditekankan dalam

pembangunan penempatan supaya keunikan identiti luar bandar akan terus terpelihara.

III. Usaha sama Kerajaan Negeri dan pihak swasta akan diperkemas bagi mempercepat projek pembangunan penempatan di luar bandar, selain memastikan kemudahan sedia ada terus diselenggara dengan baik.

IV. Penglibatan komuniti setempat juga akan diperkukuh untuk meningkatkan penyertaan komuniti bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan luar bandar.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Peningkatan Keupayaan Komuniti Luar Bandar

Strategi C1

Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat yang Saksama

I. Memberikan penekanan untuk melaksanakan penilaian impak ekonomi dan sosial ke atas setiap projek pembangunan agar kesan limpahan dapat dirasai oleh komuniti di luar bandar. Bagi menyokong usaha ini, jadual input-output peringkat negeri dan daerah yang telah dibangunkan di Negeri Sembilan akan menjadi antara sumber maklumat utama untuk kegunaan penilaian impak ekonomi dan sosial.

II. Pendekatan kolaborasi bagi pembangunan kawasan setempat juga akan diperkukuh dan diperluas melalui pewujudan satu komuniti berintegrasi yang dijangka mampu untuk mempercepat transformasi pembangunan luar bandar.

Strategi C2

Menyediakan Landasan Mobiliti Sosial Menerusi Pendidikan

I. Program pembangunan bakat dalam menuju pembangunan berteraskan IR4.0 perlu terus ditambah baik agar seiring dengan keperluan industri yang menuntut proses pembangunan pekerja masa hadapan. Oleh yang demikian, transformasi ke arah latihan kemahiran berkonsepkan latihan berasaskan kerja perlu dilaksana agar dapat melahirkan modal insan yang cemerlang dan berkemahiran tinggi. Latihan kemahiran spesifik berdasarkan aktiviti ekonomi terpilih dan berdaya saing tinggi di setiap daerah akan diperkukuhkan melalui kerjasama dengan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dan institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

II. Pembukaan pusat bakat luar bandar akan diperhalusi bagi mempermudah pengurusan bakat-bakat belia yang kreatif dan inovatif yang selari dengan aspirasi mentransformasikan pembangunan luar bandar.

Strategi C3

Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan Luar Bandar Berorientasikan Inovasi dan Teknologi

I. Penumpuan akan diberikan kepada melahirkan usahawan luar bandar yang berpengetahuan, profesional dan dinamik melalui penerapan inovasi dan teknologi.

II. Ekosistem keusahawanan luar bandar akan diperkemas dengan pewujudan model keusahawanan inklusif yang melibatkan pihak swasta, institusi pendidikan, dan masyarakat.

Hala Tuju: Bidang Fokus D
Pengukuhan Kesejahteraan Komuniti Luar Bandar

Strategi D1

Memperkukuh Tadbir Urus Komuniti Luar Bandar

I. Pewujudan sistem tadbir urus khusus yang memantau hal ehwal pembangunan ekonomi pada peringkat daerah berteraskan data dan bukti akan diteliti bagi menilai impak, keberkesanan dan daya laksana program-program pembangunan sosioekonomi luar bandar.

II. Aktiviti penjanaan pendapatan pada peringkat komuniti akan dioptimumkan melalui institusi koperasi yang turut boleh dimanfaatkan untuk meneroka potensi peningkatan ekonomi bidangan dalam industri strategik di kawasan luar bandar.

III. Penyertaan awam daripada kalangan komuniti setempat, terutamanya golongan belia akan diperkasa bagi memberikan input untuk pembuatan keputusan dalam merealisasikan transformasi luar bandar.

IV. Institusi masjid dan keagamaan akan terus diberikan sokongan untuk bertindak sebagai pusat kecemerlangan dan kebajikan komuniti luar bandar.

Strategi D2

Meningkatkan Daya Huni Luar Bandar

I. Program-program kemasyarakatan yang menggalakkan penyertaan aktif komuniti daripada pelbagai latar belakang akan terus disokong untuk mengeratkan perpaduan.
II. Program penjagaan keselamatan komuniti yang diterajui oleh penduduk setempat akan ditambah baik bagi meningkatkan keselamatan masyarakat, selain mampu membuka peluang penjanaan pendapatan dan pekerjaan bagi komuniti setempat.
III. Golongan belia akan terus diperkasa menerusi program-program pemerkasaan ekonomi belia bagi mengurangkan migrasi ke bandar.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
-0.3% Setahun	Pertumbuhan KDNK Luar Bandar	3.6% Setahun
3.3% Setahun	Pertumbuhan KDNK Bandar	4.7% Setahun

Bab 9

MENYEDIA BAKAT YANG MENEPATI PERMINTAAN MASA HADAPAN

Bab 9

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Pengukuhan Struktur Demografi Penduduk

Strategi A1
Menggalakkan Migrasi Melalui Perubahan Struktur Ekonomi

Strategi A2
Ke Arah Mendapatkan Status Bandaraya Kedua

Bidang Fokus B

Peningkatan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Strategi B1
Meningkatkan Penyertaan Tenaga Buruh Wanita

Strategi B2
Peluang Peningkatan dan Peralihan Kemahiran bagi Mengurangkan Impak Penuaan Tenaga Buruh

Bidang Fokus C

Peningkatan Penawaran Tenaga Buruh Berpendidikan Tertiari dan Berkemahiran Tinggi

Strategi C1
Padanan Penawaran dan Permintaan Tenaga Buruh Secara Aktif

Strategi C2
Peningkatan Penawaran Tenaga Buruh Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi

Bidang Fokus D

Penjajaran Permintaan Buruh oleh Industri

Strategi D1
Meningkatkan Guna Tenaga Berkemahiran Tinggi Melalui Transformasi Struktur Ekonomi



Bab 9 Isu dan Cabaran

01 Kadar Pertumbuhan Penduduk

Sepanjang tempoh 2016 hingga 2020, bilangan penduduk Negeri Sembilan menunjukkan trend yang meningkat. Walaupun bilangan penduduk meningkat saban tahun, namun kadar pertumbuhan penduduk tahunan pula menunjukkan trend penurunan. Trend penurunan ini menandakan bilangan penduduk Negeri Sembilan bertambah setiap tahun dalam jumlah yang sedikit. Jumlah kelahiran yang berkurangan akan menyebabkan golongan muda semakin berkurangan dalam populasi. Populasi akan mula menunjukkan peralihan kepada lebih ramai penduduk dewasa dan selanjutnya beralih kepada lebih ramai penduduk warga tua. Situasi ini memberi kesan jangka masa panjang kepada pasaran buruh yang mana penawaran tenaga buruh terhadap golongan muda semakin berkurangan sedangkan terdapat pekerjaan yang memerlukan tenaga buruh dalam usia muda terutamanya bagi pekerjaan yang melibatkan penggantian tenaga buruh yang tinggi.

02 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)

KPTB pada tahun 2020 menunjukkan Negeri Sembilan berada pada kedudukan ke-12 dalam Malaysia. KPTB wanita di Negeri Sembilan juga masih rendah di bawah paras nasional dengan kadar purata sebanyak 48.3% sepanjang 20 tahun. KPTB wanita yang rendah ini disebabkan terdapat pelbagai cabaran untuk wanita menyertai pasaran buruh seperti kekurangan pusat penjagaan kanak-kanak dan warga emas yang berkualiti, kos yang tinggi serta tempat dan waktu bekerja yang kurang fleksibel. KPTB ini juga dipengaruhi oleh penuaan tenaga buruh dan golongan rentan ekonomi yang mudah terjejas apabila berlaku perubahan dalam pasaran buruh.

Bab 9 Isu dan Cabaran

03 Penawaran Tenaga Buruh mengikut Tahap Pendidikan Tertiari dan Tenaga Buruh Berkemahiran Tinggi

Pekerja yang memiliki PMR sehingga STPM dikategorikan sebagai pekerja separa mahir manakala tahap pendidikan yang lebih rendah pula dikategorikan sebagai pekerja berkemahiran rendah. Berdasarkan cerapan data pasaran buruh, Negeri Sembilan masih mempunyai komposisi tenaga buruh dengan tahap pendidikan STPM/SPM/Sijil dan ke bawah yang tinggi pada tahun 2020 iaitu sebanyak 72.4%.
(Rujuk Paparan 9-5; RPNS 2021-2025)

Dalam pada masa yang sama, penawaran buruh berkemahiran tinggi yang merupakan fokus penting dalam pasaran buruh perlu meliputi semua jenis pendidikan sama ada formal ataupun tak formal. Bagi murid yang berada di luar sistem pendidikan arus perdana, mereka tidak dapat dikesan sepenuhnya kerana ketiadaan sistem pemantauan yang bersepadu. Pada masa ini, bilangan murid yang berada di luar sistem pendidikan arus perdana di Negeri Sembilan iaitu murid yang mengikuti pengajian tahfiz melalui maktab tahfiz, pondok dan madrasah adalah seramai 4,345 orang. Walau bagaimanapun, aliran pendidikan ini kebanyakannya tidak mempunyai sijil yang diiktiraf oleh kerajaan. Keadaan ini menyukarkan murid aliran ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi ataupun mempunyai sekurang kurangnya sijil peringkat menengah yang membolehkan murid ini memasuki pasaran buruh sebagai tenaga buruh berkemahiran tinggi atau separa mahir. Selain itu, berlaku isu pengekalan tenaga buruh semasa latihan kemahiran sedang dijalankan dan juga selepas tamat tempoh latihan.

04 Penyerapan Guna Tenaga

Keperluan tenaga buruh mengikut tahap kemahiran dalam sesebuah negeri ditentukan oleh struktur ekonomi negeri. Berdasarkan dapatan Kajian Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan, (i) sektor perkhidmatan kerajaan dan (ii) sektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman dan penginapan merupakan dua sektor yang menyerap tenaga buruh terbesar di Negeri Sembilan sejak tahun 2005. Guna tenaga mengikut kemahiran pula menunjukkan permintaan yang tinggi bagi tenaga buruh separa mahir iaitu sebanyak 59.7% pada tahun 2016 dan 57.3% pada tahun 2020,. Guna tenaga separa mahir di pasaran buruh Negeri Sembilan ini kekal dominan pada tahun 2020. (Rujuk Paparan 9-7; RPNS 2021-2025). Peningkatan penyerapan guna tenaga buruh berkemahiran tinggi pula masih perlahan daripada 27.4% pada tahun 2016 kepada 29.2% pada tahun 2020. Hal ini menunjukkan hanya berlaku sedikit perubahan dalam kadar penggunaan teknologi dan automasi sepanjang proses pengeluaran industri di Negeri Sembilan.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Pengukuhan Struktur Demografi Penduduk

Strategi A1
Menggalakkan Migrasi Melalui Perubahan Struktur Ekonomi

I. Pelan pembangunan MVV 2.0 dijangka akan mengubah struktur ekonomi Negeri Sembilan terutamanya di daerah Seremban dan Port Dickson. Galakan migrasi aktif tenaga buruh berkemahiran tinggi wajar dilaksanakan dalam kawasan pembangunan MVV 2.0 ini dengan memberi fokus kepada kemahiran yang diperlukan oleh industri tumpuan iaitu industri aeroangkasa, maritim dan halal.

II. Program pemadanan pekerjaan antara industri dan penyedia latihan kemahiran perlu diperkasa bagi memudahkan proses migrasi bersasar.

III. Mengoptimumkan penggunaan bakat anak negeri yang mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negeri terutamanya dalam kawasan pembangunan MVV 2.0. Satu program pendaftaran anak negeri yang bekerja di luar Negeri Sembilan boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

IV. Maklumat mengenai peluang pekerjaan untuk anak negeri juga boleh dihebahkan dalam satu paparan notis khas melalui aplikasi digital seperti MYFutureJobs.

Strategi A2
Ke Arah Mendapatkan Status Bandaraya Kedua

Daerah Port Dickson boleh dipertimbangkan sebagai kawasan perbandaran yang berpotensi untuk mendapat status bandar raya berdasarkan kepada perancangan pembangunan MVV 2.0. Pembangunan MVV 2.0 akan meningkatkan peluang pekerjaan dan kawasan perumahan baharu juga dijangka akan dibuka. Sehubungan itu, usaha menjadikan daerah Port Dickson sebagai sebuah bandar raya boleh dimulakan dalam tempoh RPNS 2021-2025 ini.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Peningkatan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Strategi B1
Meningkatkan Penyertaan Tenaga Buruh Wanita

I. Pengenalan tempat dan waktu bekerja anjal kepada wanita akan menjadi penggalak kepada wanita untuk keluar bekerja. Pengenalan tempat dan waktu bekerja anjal ini wajar dimulai oleh sektor awam bergantung kepada jenis pekerjaan dan tugasan tanpa memberi kesan herotan kepada produktiviti.

II. Satu kajian terperinci mengenai kos penjagaan yang bukan sahaja meliputi kanak-kanak, malahan warga emas juga wajar dijalankan bagi mewujudkan satu ekosistem pekerjaan yang kondusif.

Strategi B2
Peluang Peningkatan dan Peralihan Kemahiran bagi Mengurangkan Impak Penuaan Tenaga Buruh

Latihan kemahiran bagi membantu peralihan kemahiran tenaga buruh menua akan diperhalusi melalui kajian khusus. Hasil kajian ini akan membantu penambahbaikan dasar perburuhan yang meliputi keperluan latihan semula.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Peningkatan Penawaran Tenaga Buruh Berpendidikan Tertiari dan Berkemahiran Tinggi

Strategi C1
Padanan Penawaran dan Permintaan Tenaga Buruh Secara Aktif

I. Penubuhan sekretariat yang bertanggungjawab menjalankan sesi padanan permintaan dan penawaran buruh secara

berkala bagi membincangkan keperluan tenaga kerja mengikut industri dapat melancarkan lagi proses pemadanan.

II. Sesi jerayawara khusus wajar diadakan bersama institusi TVET dan pemain industri untuk meningkatkan padanan mengikut keperluan industri.

III. Pangkalan data MYFutureJobs yang dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk memantau dan mendapatkan maklumat pasaran buruh di Negeri Sembilan.

Strategi C2

Peningkatan Penawaran Tenaga Buruh Berpendidikan dan Berkemahiran Tinggi

I. Bagi mengurangkan peratusan tenaga buruh berkemahiran rendah, usaha boleh diambil bagi meningkatkan *outcome* pendidikan kumpulan sasaran tertentu seperti murid aliran tahfiz dan sekolah pondok melalui formalisasi pendidikan.

II. Konsep *place and train* melalui Program *Academy in Factory* (AIF) yang dikelolakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), boleh dilaksanakan kepada kumpulan rentan ekonomi seperti wanita, kumpulan B40 dan masyarakat dalam transisi ekonomi.

III. Bagi mengembangkan potensi konsep *place and train,* pusat pembangunan kemahiran Negeri Sembilan wajar ditambah baik dan diperkukuhkan dengan mengambil kira perubahan kepada Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang berteraskan pendigitalan dan teknologi baharu.

IV. Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, kandungan latihan Kolej YNS perlu ditambah baik dengan mengutamakan amali di tempat kerja yang mengetengahkan pembelajaran teknologi 4IR.

V. Proses tambah baik modul latihan hasil daripada perbincangan dengan industri secara berkala amat penting bagi menyediakan tenaga buruh yang bersesuaian kepada keperluan industri di Negeri Sembilan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama MPC dan industri wajar merangka satu bentuk kerjasama bagi menyediakan modal insan yang dapat memenuhi keperluan 4IR dan seterusnya dapat merangsang pertumbuhan tenaga buruh berkemahiran di Negeri Sembilan. Kerjasama ini termasuklah aktiviti menaik taraf yang bukan sahaja melibatkan pelaburan ke atas infrastruktur pusat latihan, malahan termasuk peralatan mengajar terutamanya yang menepati keperluan modul 4IR.

Hala Tuju: Bidang Fokus D
Penjajaran Permintaan Buruh oleh Industri

Strategi D1

Meningkatkan Guna Tenaga Berkemahiran Tinggi Melalui Transformasi Struktur Ekonomi

I. Transformasi ekonomi Negeri Sembilan akan ditumpukan kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan yang merupakan dua sektor utama ekonomi negeri. Penekanan untuk mempercepatkan pembangunan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti industri aeroangkasa, halal dan maritim di kawasan MVV 2.0 akan meningkatkan lagi rantaian nilai bagi kedua-dua sektor ini.

II. Peningkatan penerimagunaan teknologi bagi memberikan sokongan kepada inovasi proses pengeluaran akan mengubah corak permintaan guna tenaga berkemahiran oleh industri.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
2.2% setahun	Kadar Pertumbuhan Produktiviti Buruh	3.7% setahun
53% pada tahun 2020	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Wanita	55% pada tahun 2025
0.4% setahun	Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga	0.7% setahun
37% pada tahun 2019	Sumbangan Pampasan Pekerja kepada KDNK	38-39% Pada tahun 2025

Bab 10

KEMAMPANAN PENGGUNAAN SUMBER ALAM

Bab 10

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Peningkatan Kecekapan Pengurusan Sumber

Strategi A1
Melestarikan Pengurusan Air Terawat

Strategi A2
Meneroka Sumber Air Bawah Tanah sebagai Sumber Alternatif Air Mentah Baharu dan Simpanan Air Mentah

Strategi A3
Meneroka Potensi Penjanaan Tenaga Boleh Baharu

Strategi A4
Menerima Guna Sistem Digital bagi Penyimpanan Data

Bidang Fokus B

Transformasi Sumber Air sebagai Komoditi Perniagaan

Strategi B1
Membangunkan Sebuah Model Perniagaan yang Lestari

Strategi B2
Menambah Baik Pengurusan Perkhidmatan Air

Strategi B3
Meneliti Pengenalan Caruman Baharu bagi Menggalakkan Kecekapan Penggunaan Air Terawat oleh Industri

Bidang Fokus C

Pengekalan Ekosistem Alam Semula Jadi

Strategi C1
Mengurangkan Risiko Bencana melalui Pendekatan Alam Semula Jadi

Strategi C2
Meningkatkan Pemantauan ke atas Aktiviti Punca Cemar

Strategi C3
Menekankan Nilai Perkhidmatan Ekosistem dalam Kelestarian Hutan dan Biodiversiti

Strategi C4
Mempertingkatkan Konservasi Kepelbagaian Biologi Hutan

Bidang Fokus D

Penambahbaikan Kualiti Perkhidmatan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Semula Jadi

Strategi D1
Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Pemeliharaan Hutan dan Biodiversiti Sedia Ada

Strategi D2
Menyediakan Kawasan dan Kemudahan bagi Aktiviti Pendidikan dan Rekreasi

Strategi D3
Mengekalkan Kadar Hutan Simpanan Kekal Sedia Ada

Bab 10 Isu dan Cabaran

01 Intensiti Penggunaan Sumber yang Tinggi

Intensiti penggunaan sumber yang rendah menunjukkan kecekapan penggunaan sumber oleh industri dalam mengurangkan tekanan impak aktiviti ekonomi kepada persekitaran dan ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu petunjuk pembangunan mampan. Dalam konteks intensiti penggunaan air terawat di Negeri Sembilan, petunjuk tersebut menunjukkan trend yang stabil bagi tempoh 2011-2020. Namun begitu, kadar intensiti tersebut masih tinggi berbanding dengan purata Malaysia. **(Rujuk Paparan 10-5; RPNS 2021-2025)**. Bagi intensiti penggunaan tenaga elektrik pula, nilai yang lebih tinggi direkodkan oleh keseluruhan sektor ekonomi di Negeri Sembilan berbanding purata Malaysia. Walau bagaimanapun, intensiti penggunaan elektrik di Negeri Sembilan menunjukkan trend menurun yang boleh diterjemahkan kepada peningkatan dalam kecekapan penggunaan tenaga elektrik. **(Rujuk Paparan 10-6; RPNS 2021-2025)**

02 Cabaran Mengoptimumkan Penjanaan Hasil daripada Penggunaan Air dan Elektrik

Berdasarkan Kajian Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan, lebih separuh penggunaan sumber air terawat bukan domestik telah digunakan untuk menyokong permintaan sektor ekonomi di negeri lain yang sekali gus mendapat manfaat yang besar daripada sumber air terawat di Negeri Sembilan. Hal ini bermakna potensi penjanaan pendapatan daripada penggunaan sumber air terawat bukan domestik belum lagi dioptimumkan menerusi perniagaan komoditi air yang lestari. Selain itu, situasi yang sama ditunjukkan bagi penggunaan tenaga elektrik.

03 Model Pengurusan Sumber Air

Sehingga tahun 2020, sumber air mentah di Negeri Sembilan hanya tertumpu kepada abstraksi air sungai dan empangan. Namun begitu, pencemaran air daripada punca tetap (pelepasan dari kawasan perindustrian) dan tidak tetap (aktiviti pembangunan tanah, air larian dari guna tanah pertanian dan sebagainya) menjadi halangan untuk mengekalkan pembekalan sumber air mentah yang berkualiti kepada operator air dan pada masa yang sama menjejaskan kelangsungan bekalan air terawat.

04 Cabaran Kos Pengurusan dan Pembangunan Kawasan Hutan

Kebergantungan kepada dana sedia ada telah mengekang kemampanan usaha perlindungan sumber alam semula jadi dan pemuliharaan biodiversiti. Sehingga tahun 2015, wujud perbelanjaan defisit akibat daripada kos pengurusan dan pembangunan kawasan hutan melebihi jumlah pendapatan daripada sumber hutan yang boleh dikomersialkan. Hal ini disebabkan pengurusan kawasan hutan lebih tertumpu kepada pemuliharaan dan pemeliharaan sumber hutan sedia ada dengan penjanaan pendapatan tambahan yang terhad dari kawasan hutan yang berpotensi.

05 Kecekapan Ekosistem Tadbir Urus

Ketidakcekapan tadbir urus disebabkan oleh faktor keupayaan penguatkuasaan yang terhad, kekurangan pemantauan, pelaporan, penilaian serta penyelidikan. Selain itu, kekurangan dari segi kesepaduan, kebolehcapaian dan ketersediaan data yang berkualiti serta menyeluruh juga menjadi cabaran untuk menyokong proses pembuatan keputusan berasaskan bukti yang berkesan dan tepat.

06 Keupayaan Sistem Saliran dan Perparitan untuk Menampung Risiko Bencana

Bencana banjir yang berlaku di Negeri Sembilan berpunca daripada jumlah terimaan hujan luar jangka. Infrastruktur saliran yang kurang mencukupi dan penyelenggaraan sistem perparitan yang kurang efisien telah mengakibatkan bencana banjir bagi kebanyakan kawasan di beberapa daerah seluruh Negeri Sembilan. Hal ini juga disebabkan oleh kelemahan infrastruktur seperti longkang monsun dan perparitan sedia ada yang agak terhad dari segi saiz dan kapasiti untuk menampung isi padu air melebihi aliran biasa khususnya di kawasan pembangunan baharu. Selain itu, pembangunan baharu yang kurang sistematik turut meningkatkan kadar hakisan tanah sehingga meningkatkan tahap risiko bencana.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Peningkatan Kecekapan Pengurusan Sumber

Strategi A1

Melestarikan Pengurusan Air Terawat

I. Bagi menampung kos penambahbaikan infrastruktur perbekalan air terawat, operator air boleh memperkenalkan model perniagaan baharu yang lebih sistematik. Antara pendekatan yang boleh dipertimbangkan melalui mekanisme pengenalan penggunaan penapis air secara meluas oleh pengguna domestik.

II. Operator air juga boleh melabur dalam penggunaan teknologi pengesanan kebocoran paip dalam mentransformasi pengurusan perbekalan air terawat.

Strategi A2

Meneroka Sumber Air Bawah Tanah sebagai Sumber Alternatif Air Mentah Baharu dan Simpanan Air Mentah

I. Bagi meningkatkan jaminan ketersediaan air mentah di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri perlu memberi penumpuan terhadap inisiatif untuk meneroka dan mengkaji sumber air mentah bawah tanah sebagai sumber abstraksi air mentah baharu bagi operator air. Justeru, kerjasama antara agensi negeri dan persekutuan boleh ditingkatkan bagi mengenal pasti dan menentukan lokasi sumber air bawah tanah.

II. Risiko ketidakcukupan air tersebut juga dapat diminimumkan dengan membina takungan air pinggiran sungai (TAPS) sebagai usaha untuk menambah simpanan air mentah pada masa hadapan kerana lebihan air mentah yang tidak diabstrak oleh loji rawatan air akan terus mengalir ke laut.

Strategi A3

Meneroka Potensi Penjanaan Tenaga Boleh Baharu

Semua sektor ekonomi terutamanya yang berintensifkan tenaga digalakkan untuk beralih ke arah teknologi cekap tenaga (energy efficient) untuk penjimatan penggunaan tenaga. Peralihan tersebut boleh dilaksanakan dengan memanfaatkan teknologi sedia ada dan baharu seperti kogenerasi (gabungan haba dan kuasa), termal solar dan sel bahan api. Peningkatan penggunaan TBB akan mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil yang tidak lestari.

Strategi A4

Menerima Guna Sistem Digital bagi Penyimpanan Data

Sistem pengurusan data sedia ada perlu ditransformasi kepada penggunaan teknologi digital bagi memudahkan perkongsian data dan maklumat antara pihak yang berkepentingan. Hal ini akan menyokong perancangan strategi dan dasar yang berasaskan bukti dan analisis data masa nyata untuk menambah baik proses pembuatan keputusan dan membantu pengurusan risiko yang termaklum.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Transformasi Sumber Air sebagai Komoditi Perniagaan

Strategi B1
Membangunkan Sebuah Model Perniagaan yang Lestari

Pendekatan penggunaan instrumen ekonomi seperti diskriminasi tarif air bagi sektor ekonomi yang berintensifkan air dan berintensifkan eksport boleh dipertimbang bagi menjana hasil secara optimum daripada penggunaan air. Sebuah model perniagaan yang mampan wajar diteroka bagi memastikan sumber air terawat di Negeri Sembilan dapat menjana hasil berterusan yang dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negeri.

Strategi B2
Menambah Baik Pengurusan Perkhidmatan Air

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan air dan kemampanan penggunaan sumber alam, pendekatan baharu dalam menetapkan kadar caj air mentah dan kadar tarif air terawat yang lebih sesuai perlu diberi perhatian. Secara umumnya, kadar tarif air yang lebih tinggi akan menyokong pertumbuhan KDNK tanpa mengurangkan jumlah pelaburan. Walau bagaimanapun, kajian kebolehlaksanaan dan impak ke atas penetapan caj dan tarif baharu yang lebih komprehensif perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan daya saing sektor ekonomi negeri tidak terjejas.

Strategi B3
Meneliti Pengenalan Caruman Baharu bagi Menggalakkan Kecekapan Penggunaan Air Terawat oleh Industri

Bagi menggalakkan penggunaan air terawat yang lebih cekap oleh pihak industri, Kerajaan Negeri wajar meneliti semula tarif air terawat yang dikenakan terhadap industri. Salah satu cara yang boleh dilakukan dengan memperkemas caj kelestarian penggunaan air melalui pengenalan "Caruman Saliran" yang ditumpukan kepada industri yang berintensifkan air. Caruman saliran ini boleh dibezakan mengikut penggunaan komersial dan industri yang mana penetapan kadar bayaran caruman berbeza berdasarnya jumlah air yang digunakan. Walau bagaimanapun, kebolehlaksanaan dan kesesuaian caruman saliran ini perlu dikaji secara menyeluruh dengan penglibatan pihak industri dan agensi yang berkaitan sebelum diaplikasikan di Negeri Sembilan.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Pengekalan Ekosistem Alam Semula Jadi

Strategi C1
Mengurangkan Risiko Bencana melalui Pendekatan Alam Semula Jadi

I. Penggunaan teknologi berasaskan alam semula jadi seperti teknologi cerapan air hujan pintar di kawasan perumahan perlu digalakkan untuk menangani pelbagai isu berkaitan air seperti pencemaran, banjir dan kemarau.
II. Bagi mengurangkan risiko banjir, teknik pengurusan banjir secara semula jadi seperti kolam takungan dua fungsi boleh dipertimbang semasa fasa perancangan dan reka bentuk pembangunan projek baharu di sepanjang tebing sungai dan pantai.
III. Projek menambah baik pengairan dan saliran pertanian serta sumber air bagi meningkatkan kawalan banjir wajar diberi keutamaan dalam mengurangkan risiko bencana banjir. Ini termasuk projek pembinaan kolam takungan air banjir, kerja meningkatkan aliran sungai dan lencongan banjir.
IV. Perluasan kaedah kawalan air daripada punca ke kawasan pembangunan baharu di seluruh Negeri Sembilan juga akan diberi penekanan bagi mengatasi masalah pemendapan dan hakisan tanah.

Strategi C2
Meningkatkan Pemantauan ke atas Aktiviti Punca Cemar

I. Langkah proaktif perlu diambil dengan menyediakan dana, kakitangan dan kelengkapan yang mencukupi bagi meningkatkan kecekapan pemantauan ke atas aktiviti yang berpotensi menjadi punca pencemaran agar risiko pencemaran dapat diminimumkan.
II. Menyediakan sistem perparitan tertutup di kawasan saliran yang berisiko tercemar melalui kerjasama agensi dan pihak swasta yang terlibat. Sistem tersebut dapat mencegah pencemaran sumber air dengan adanya pemasangan alat kawalan pencemaran yang dapat memberi amaran awal apabila berlaku aliran air sisa atau bahan pencemar dan tindakan awal dapat diambil oleh pihak berkuasa bagi

mengurangkan impak pencemaran kepada sumber air.

III. Penerapan amalan pelepasan sisa industri yang sistematik perlu diperluas dalam kalangan penggiat industri di Negeri Sembilan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber air secara konsisten.

Strategi C3

Menekankan Nilai Perkhidmatan Ekosistem dalam Kelestarian Hutan dan Biodiversiti

Kepentingan menilai perkhidmatan ekosistem dalam meningkatkan kelestarian hutan dan biodiversiti akan ditekankan bagi memastikan kesihatan ekosistem terus diberikan perhatian dalam pembuatan keputusan terutamanya yang melibatkan kegiatan aktiviti ekonomi dan penjanaan hasil. Pendekatan yang bersesuaian dengan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa untuk menilai perkhidmatan ekosistem akan diteroka untuk menyokong pemuliharaan dan kelestarian alam semula jadi.

Strategi C4

Mempertingkatkan Konservasi Kepelbagaian Biologi Hutan

I. Usaha pengumpulan maklumat, pemeliharaan *in-situ* dan *ex-situ* akan dipertingkatkan bagi melindungi dan memelihara kepelbagaian biologi terutamanya bagi spesies hampir pupus, terancam, langka dan endemik.

II. Peningkatan keupayaan pangkalan data kepelbagaian biologi akan ditambah baik bagi membolehkan maklumat yang diperoleh diuruskan dengan cekap dan dapat dikongsi bersama oleh pelbagai pihak berkepentingan.

Hala Tuju: Bidang Fokus D
Penambahbaikan Kualiti Perkhidmatan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Semula Jadi

Strategi D1

Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Pemeliharaan Hutan dan Biodiversiti Sedia Ada

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, bayaran perkhidmatan ekosistem seperti bayaran permit kemasukan ke Taman Eko-Rimba akan dikaji semula bagi mengimbangi beban kewangan dalam menguruskan program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan biodiversiti termasuk penyelenggaraan infrastruktur.

Strategi D2

Menyediakan Kawasan dan Kemudahan bagi Aktiviti Pendidikan dan Rekreasi

Antara usaha melahirkan rakyat yang sihat dan cergas serta peka kepada pemeliharaan alam sekitar, penekanan akan diberikan kepada penyediaan kawasan dan kemudahan bagi menggalakkan penganjuran aktiviti pendidikan dan rekreasi berkaitan sumber alam semula jadi.

Strategi D3

Mengekalkan Kadar Hutan Simpanan Kekal Sedia Ada

I. Bagi mengimbangi keperluan memelihara alam semula jadi dengan keperluan pembangunan, langkah akan diambil untuk mengekalkan kawasan hutan khususnya keluasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Sembilan pada kadar 23% dari keluasan negeri.

II. Kerjasama bersama sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) akan digalakkan bagi menyertai usaha pengekalan dan pemuliharaan hutan di Negeri Sembilan.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
32%	Kadar Air Tidak Berhasil	30.1%
0.3% pada tahun 2020	Pengurangan Intensiti Penggunaan Elektrik	1.1% pada tahun 2025
1.0% setahun	Pertumbuhan Penggunaan Air Terawat	0.6% setahun
Tidak Tersedia	Adaptasi Teknologi Digital	Sistem Merekod Data Secara Digital
Tidak Tersedia	Kadar Hutan Simpanan Kekal	23%

Bab 11

EKONOMI KITARAN SEBAGAI SUMBER KEKAYAAN BAHARU

Bab 11

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Waste-to-Wealth Creation melalui Adaptasi Ekonomi Kitaran

Strategi A1
Menggunakan Instrumen Ekonomi bagi Meminimumkan Penghasilan Sisa

Strategi A2
Galakan Amalan Ekonomi Kitaran oleh Sektor Ekonomi

Strategi A3
Pengenalan Permit Pencemar sebagai Instrumen Kawalan Pencemaran

Bidang Fokus B

Pengukuhan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Luar Bandar Secara Bersepadu dan Bersistematik

Strategi B1
Menyelaras Sistem Pengurusan Sisa Pepejal melalui Mekanisme Kerjasama Rentas Agensi

Strategi B2
Memperkasa Kolaborasi bersama FELDA sebagai Pemangkin Kelestarian Pengurusan Sisa Pepejal di Luar Bandar

Bidang Fokus C

Pengukuhan Persekitaran yang Menyokong Pengurusan Sisa yang Berkesan

Strategi C1
Menyedia dan Meningkatkan Kemudahan Pelupusan Sisa yang Mampan

Strategi C2
Meningkatkan Kerjasama yang Inklusif di antara Pihak Berkepentingan

Strategi C3
Mempertingkatkan Kesedaran yang Menyumbang kepada Gaya Hidup Mampan

Strategi C4
Melaksana Tindakan Berasaskan Bukti dan Risiko yang Termaklum Secara Inklusif



Bab 11 Isu dan Cabaran

01 Penyertaan Rendah Mempengaruhi Kadar Kitar Semula

Kadar kitar semula di Negeri Sembilan masih mencatatkan kadar yang rendah dengan hanya kurang 1% bahan kitar semula yang dikumpulkan daripada keseluruhan jumlah sisa pepejal. Pelbagai faktor mempengaruhi kadar kitar semula yang rendah seperti kemudahan dan ketersediaan infrastruktur, kesamaran dasar dan hala tuju serta tahap kesedaran penduduk. **(Rujuk Paparan 11-5; RPNS 2021-2025)**

02 Pengurusan Sisa Pepejal di Luar Bandar yang Kurang Sistematik

Pengurusan sisa di luar bandar didapati tidak bersepadu dan sistematik dan keadaan ini menyukarkan pemantauan oleh pihak berkuasa. Sistem pengurusan sisa di luar bandar berbeza bergantung kepada jenis kampung iaitu kampung tradisi, Kampung FELDA dan Kampung Baharu.

i. Pengurusan sisa di Kampung Baharu paling cekap dan sistematik seperti sistem yang dipraktikkan di taman perumahan yang dipantau dan diselia oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
ii. Pengurusan sisa di kampung tradisi dan Kampung FELDA tidak sama seperti Kampung Baharu. Ketiadaan pengurusan sisa yang sistematik bagi kampung tradisi menyebabkan longgokan sisa yang tidak terkawal dan kaedah pelupusan sisa yang tidak lestari seperti pembakaran sisa secara terbuka.
iii. Pengurusan sisa di Kampung FELDA pula bergantung kepada inisiatif pihak pengurusan FELDA berkenaan dan tiada penyelarasan yang dibuat.

03 Kekurangan Akses ke Tempat Pelupusan Sisa Pepejal

Pengurangan tempat pelupusan di Negeri Sembilan meningkatkan lagi kos operasi pengurusan sisa di beberapa daerah. Terdapat tujuh buah pusat pelupusan sisa berstatus bukan sanitari di setiap daerah dan satu tapak pelupusan sisa berstatus sanitari di Port Dickson pada tahun 2016. Namun begitu, beberapa buah tapak pelupusan telah ditutup sehingga tahun 2020 dan hanya berbaki tiga buah tapak sahaja termasuklah TP Sg. Muntoh (Jelebu), TP Ulu Maasop (Kuala Pilah) dan TP Ladang Tanah Merah (Port Dickson). Penutupan tapak pelupusan di daerah lain telah memberi impak kepada peningkatan kos dalam pengurusan sisa kerana lokasi akses ke tapak pelupusan yang tidak ekonomik. Faktor ini telah meningkatkan aktiviti pembuangan sisa secara haram dan lambakan sisa di kawasan tidak sepatutnya.

04 Persekitaran yang Kurang Kondusif Memperlahankan Pertumbuhan Hijau

Inisiatif kelestarian alam sekitar dan perundangan yang berbeza antara PBT memberi cabaran kepada pengurusan alam sekitar. Kesamaran dasar dan kekurangan inisiatif bersepadu pada peringkat negeri menyumbang kepada pelaksanaan yang tidak seragam dan tidak menyeluruh kepada pihak berkaitan. Selain itu, kekangan tadbir urus seperti keupayaan penguatkuasaan yang terhad, pemantauan, pelaporan dan penilaian yang kurang mencukupi juga mengekang usaha memperkukuh pertumbuhan hijau.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Waste-to-Wealth Creation **melalui Adaptasi Ekonomi Kitaran**

Strategi A1

Menggunakan Instrumen Ekonomi bagi Meminimumkan Penghasilan Sisa

Terdapat beberapa inisiatif yang boleh dilakukan bagi menyokong instrumen ini antaranya dengan melakukan pemisahan kepada sumber sisa, pembayaran berdasarkan kuantiti buangan (*Pay-As-You-Throw*), pelaburan hijau dan insentif perniagaan. Kesemua inisiatif ini memerlukan kajian rintis bagi menentukan tahap kebolehlaksanaan dan kesesuaian untuk diaplikasikan di Negeri Sembilan.

I. Kempen pembudayaan amalan kitar semula boleh dipergiat untuk mendidik masyarakat supaya lebih peka kepada kepentingan melestari alam sekitar. Antara kaedah yang boleh diperkenalkan ialah platform digital yang berupaya mencerap maklumat isi rumah, jenis dan kuantiti bahan buangan kitar semula supaya mekanisme ganjaran dapat dilaksanakan.
II. Mewujudkan lebih banyak medium *'buy back'* atau *'return and earn'* dengan kerjasama pihak swasta dan saluran yang bersesuaian dapat mengukuhkan pelaksanaan inisiatif pengasingan sisa pepejal oleh isi rumah.
III. Inisiatif *Pay-As-You-Throw* (PAYT) pula memberi penekanan kepada isi rumah untuk mengurangkan penghasilan sisa. Pembayaran akan dibuat oleh isi rumah berdasarkan kuantiti sisa yang dijana oleh isi rumah yang akan ditentukan melalui kaedah yang bersesuaian seperti penggunaan plastik sampah khas mengikut saiz yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Inisiatif ini akan memastikan sisa yang dihasilkan dari setiap isi rumah dapat di kitar semula sepenuhnya dan sisa organik dapat disalurkan kepada penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB). Antara cadangan yang boleh dilaksanakan dengan penyediaan beg sisa untuk pemisahan sisa isi rumah oleh PBT – hitam bagi sisa organik dan hijau bagi barangan kitar semula.
IV. Inisiatif pelaburan hijau dan insentif perniagaan juga diperlukan bagi menggalakkan aktiviti ekonomi kitaran yang akan memberi fokus kepada penjanaan produk serta TBB daripada sisa buangan. Mekanisme penggunaan mesin *Anaerobic Digester* (AD) boleh diperluas ke seluruh Negeri Sembilan terutama di sekitar kawasan yang menghasilkan sisa pepejal yang tinggi seperti medan selera, kawasan perumahan dan ladang pertanian.

Strategi A2

Galakan Amalan Ekonomi Kitaran oleh Sektor Ekonomi

I. Sebuah rangka kerja yang inklusif akan dijadikan panduan kepada sektor ekonomi untuk mengguna pakai konsep ekonomi kitaran dalam menguruskan sisa buangan dan penjanaan hasil kekayaan baharu.
II. Inisiatif dan program khusus akan dikenal pasti untuk mengkaji kebolehlaksanaan ekonomi kitaran ke atas sektor tertentu di sepanjang tempoh 2021-2025.

Strategi A3

Pengenalan Permit Pencemar sebagai Instrumen Kawalan Pencemaran

I. Permit pencemar merupakan inisiatif yang akan dikaji kebolehlaksanaanya pada peringkat sektor ekonomi dalam Negeri Sembilan bagi mengawal dan memantau kadar pelepasan karbon.
II. Kajian rintis diperlukan bagi menilai keperluan penggunaan instrumen kawalan pencemaran ini khususnya di kawasan MVV 2.0 yang akan menjadi pemacu pertumbuhan utama Negeri Sembilan.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Pengukuhan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal Luar Bandar Secara Bersepadu dan Bersistematik

Strategi B1

Menyelaras Sistem Pengurusan Sisa Pepejal melalui Mekanisme Kerjasama Rentas Agensi

Pengurusan yang inklusif dan pendekatan bersepadu akan dilaksanakan bagi menyelaras sistem pengurusan sisa pepejal di luar bandar termasuk di penempatan FELDA dan kampung tradisi. Pengurusan ini wajar diintegrasikan dalam Rancangan Tempatan Daerah (RTD) untuk memastikan wujudnya keseragaman pengurusan sisa pepejal di setiap daerah.

Strategi B2

Memperkasa Kolaborasi bersama FELDA sebagai Pemangkin Kelestarian Pengurusan Sisa Pepejal di Luar Bandar

Sistem pengurusan sisa pepejal lestari yang dikendalikan oleh FELDA Jelai 2 merupakan satu usaha yang sangat berkesan dalam melestari pengurusan sisa pepejal di luar bandar. Kaedah ini boleh dijadikan sebagai model rujukan dalam menyebar luas adaptasi sistem berkenaan ke atas penempatan FELDA lain di Negeri Sembilan. Oleh itu, Kerajaan Negeri boleh memperkasa kolaborasi bersama pihak FELDA untuk melupuskan sisa pepejal yang dikumpul dari kampung tradisi yang berdekatan.

Kajian rintis perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti kebolehlaksanaan dan keberkesanan system pengurusan sisa yang bersepadu dan bersistematik jika ingin dilaksanakan secara menyeluruh.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Pengukuhan Persekitaran yang Menyokong Pengurusan Sisa yang Berkesan

Strategi C1

Menyedia dan Meningkatkan Kemudahan Pelupusan Sisa yang Mampan

Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan sisa, beberapa buah pusat kemudahan yang bersepadu perlu dibina di kawasan yang mudah diakses oleh semua pihak bagi menampung kapasiti sisa yang semakin meningkat dan mencegah pembuangan haram. Kemudahan bersepadu ini perlu mengintegrasikan pelbagai jenis kemudahan seperti mengasingkan sisa, rawatan, penguraian, insinerator serta tapak pelupusan sanitari.

Strategi C2

Meningkatkan Kerjasama yang Inklusif di antara Pihak Berkepentingan

I. Penggunaan insinerator yang sedia ada perlu dioptimumkan di Tapak Pelupusan Ladang Tanah Merah bagi menjana tenaga elektrik.
II. Selain itu, galakan kepada pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh pelbagai pihak juga diperlukan untuk membantu menyediakan fasiliti pengumpulan sisa terutamanya di luar bandar.
III. Keutamaan perlu diberikan dalam meningkatkan peranan pemain industri dalam menghasilkan teknologi hijau dan mesra alam sekitar seperti teknologi "*The Asher*" yang mempunyai keupayaan kemampanan kendiri (*Self Sustainable*).
IV. Selain itu, peranan pertubuhan perniagaan yang mempunyai lesen pengurusan bahan kitar semula juga diperlukan dalam menyalurkan data keseluruhan pengumpulan bahan kitar semula di Negeri Sembilan.
V. Kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan akan diperkukuh untuk menggalakkan penerimagunaan amalan terbaik dan mampan. Penyelarasan program yang sedia ada perlu dilakukan bagi meningkatkan peranan pihak berkuasa dalam mengaplikasikan amalan terbaik yang bersepadu di seluruh kawasan penguatkuasaan.

Strategi C3

Mempertingkatkan Kesedaran yang Menyumbang kepada Gaya Hidup Mampan

I. Keperluan melaksanakan inisiatif program kesedaran dan pendidikan berkaitan kelestarian alam sekitar bagi menyokong amalan gaya hidup yang mampan perlu bermula pada peringkat sekolah rendah sehingga institusi pendidikan tinggi.
II. Selain itu, pendekatan *behavioural insights* akan diterima pakai untuk memacu perubahan minda dan tingkah laku dengan penyediaan kemudahan yang bersesuaian, pelabelan produk dan sistem ganjaran.

Strategi C4

Melaksana Tindakan Berasaskan Bukti dan Risiko yang Termaklum Secara Inklusif

I. Pangkalan data alam sekitar seperti penggunaan sumber alam sekitar, penggunaan TBB dan pencemaran pada peringkat sektoral akan diperkukuh bagi meningkatkan kecekapan pemantauan dan pembuatan dasar berkaitan kelestarian alam sekitar.
II. Perkongsian data antara pihak berkepentingan akan diperkemas bagi menyokong proses membuat keputusan yang lebih baik.
III. Model ekonomi hijau juga akan dibangunkan dengan memanfaatkan Kerangka Ekonomi Hijau seperti Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar pada peringkat Negeri Sembilan bagi menyokong perancangan ekonomi makro dan analisis impak pada masa hadapan.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
0.3%	Kadar Kitar Semula	10%
Tidak Tersedia	Penjanaan Hasil daripada Sisa	10%
3.8%	Pengurangan Pengumpulan Sisa	10%
Sistem Kamoung Baharu, Kamoung FELDA dan Kampung Tradisi	Pengurusan Sisa Luar Bandar	mewujudkan Sistem Pengurusan Bersepadu Luar Bandar

Bab 12

MEMPERTINGKAT KUALITI DAN MEMPERLUAS JARINGAN INFRASTRUKTUR, KEMUDAHAN AWAM DAN PERKHIDMATAN ICT

Bab 12

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Penambahbaikan Jaringan Jalan Raya bagi Menyokong Perkembangan Industri antara Daerah

Strategi A1
Menambah Baik Jaringan Jalan Raya Negeri

Bidang Fokus B

Perluasan dan Penambahbaikan Akses kepada Peralatan dan Perkhidmatan Komunikasi

Strategi B1
Meningkatkan Akses kepada Pembangunan Infrastruktur Digital

Strategi B2
Memperkasa Komuniti untuk Pembangunan Inklusif

Bidang Fokus C

Pengurangan Jurang Pelaburan Infrastruktur antara Daerah

Strategi C1
Melaksanakan Pembangunan yang Memberikan Limpahan Ekonomi ke Daerah Lain

Strategi C2
Meneroka Potensi Pewujudan Platform Perundingan Awam

Bidang Fokus D

Peningkatan Tahap Ketersediaan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan ICT

Strategi D1
Meningkatkan Ketersediaan Kemudahan Secara Inklusif

Strategi D2
Membangunkan Visi Strategik Infrastruktur, Kemudahan Awam dan ICT yang Menyokong Polisi Kelestarian Alam Sekitar

Bab 12 Isu dan Cabaran

01 Jaringan Jalan Raya yang Kurang Menyokong Perkembangan Aktiviti Ekonomi

Walaupun Negeri Sembilan telah mempunyai akses jalan raya yang baik, namun akses ini masih memerlukan penambahbaikan daripada segi kelebaran jalan untuk menyokong perkembangan industri antara daerah. Kebanyakan jalan raya terutamanya di luar daerah Seremban mempunyai saiz jalan raya satu lorong yang kurang sesuai untuk pengangkutan berat seperti lori kontena. Secara tidak langsung, perkara ini mengehadkan daya laksana pelaburan berimpak tinggi di daerah-daerah lain yang memerlukan ketersediaan jaringan jalan raya yang lebih baik.

02 Akses Kepada Peralatan dan Perkhidmatan Komunikasi yang Masih Tidak Menyeluruh

Walaupun akses kepada peralatan dan perkhidmatan komunikasi di Negeri Sembilan telah meningkat, namun akses peralatan yang berkaitan dengan penjanaan aktiviti ekonomi masih rendah. Pada masa yang sama, kebolehcapaian perkhidmatan digital juga terhad untuk menyokong pembangunan industri kerana masih terdapat kawasan yang tidak mendapat liputan perkhidmatan digital. Selain itu, kurangnya ketersambungan antara aplikasi agensi terutamanya antara pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan menyukarkan koordinasi maklumat dan meningkatkan jurang digital. Terdapat kekangan daripada segi infrastruktur ICT yang menyokong usaha penyelarasan dan ketepatan maklumat yang selanjutnya menyebabkan proses carian dan kelulusan yang panjang dan tidak cekap.

03 Jurang Pelaburan Infrastruktur yang Melebar antara Kawasan Bandar dan Luar Bandar

Pelaburan infrastruktur banyak tertumpu di kawasan membangun seperti Seremban berbanding di daerah-daerah lain. Hal ini dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu lokasi dan tumpuan industri. Kebanyakan kawasan perindustrian di Negeri Sembilan juga berada di daerah Seremban kerana ketersediaan kemudahan infrastruktur yang lebih baik daripada daerah lain. Hal ini mengakibatkan wujudnya jurang pelaburan infrastruktur antara kawasan membangun dan kurang membangun.

04 Tahap Ketersediaan Kemudahan Infrastruktur yang Masih Rendah

Tahap ketersediaan kemudahan infrastruktur sedia ada kurang mengambil kira keperluan khusus kumpulan pengguna yang berbeza seperti warga emas, wanita dan golongan OKU. Walaupun terdapat polisi untuk menyediakan infrastruktur yang mengambil kira keperluan golongan OKU, tidak banyak projek yang menyokong pelaksanaan dan pencapaian polisi ini secara langsung pada peringkat negeri. Setiap kumpulan pengguna mempunyai keperluan berbeza akan memberi kesan kepada reka bentuk dan keselamatan penggunaan kemudahan. Infrastruktur dan kemudahan awam sedia ada merupakan pelaburan yang telah dilaksanakan sejak dahulu namun terdapat kelemahan untuk menyokong polisi kelestarian alam yang diketengahkan untuk dicapai menjelang 2030 seluruh dunia.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Penambahbaikan Jaringan Jalan Raya bagi Menyokong Perkembangan Industri antara Daerah

Strategi A1
Menambah Baik Jaringan Jalan Raya Negeri

I. Suatu mekanisme penilaian berasaskan kajian terperinci perlu dilaksanakan bagi mendapatkan input pengguna berkaitan keperluan penambahbaikan jaringan jalan negeri. Langkah ini perlu diperhalusi dengan mengambil kira keperluan pemain industri utama, PMKS dan rakyat serta perlu diselaraskan dengan jalan baharu yang dirancang dalam dokumen Rancangan Tempatan Daerah.

II. Sekretariat pelaburan perlu meneliti keperluan infrastruktur oleh pelabur terutamanya daripada segi ketersediaan utiliti, pengangkutan dan logistik.

III. Pelaporan kepada Pihak Berkuasa Negeri juga wajar diperkemas bagi memastikan kelancaran penyediaan infrastruktur mengikut daerah yang diperlukan.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Perluasan dan Penambahbaikan Akses kepada Peralatan dan Perkhidmatan Komunikasi

Strategi B1
Meningkatkan Akses kepada Pembangunan Infrastruktur Digital

I. Kerjasama agensi dan syarikat milik Kerajaan Negeri dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan diperkukuh bagi menambah baik perkhidmatan yang ditawarkan oleh PIK.

II. Usaha akan digiatkan lagi bagi memperbaharui peranan PIK sebagai pusat perniagaan sehenti yang memberikan ruang kepada usahawan setempat untuk menggunakan perkhidmatan Internet dan peranti komputer dalam melancarkan urusan perniagaan sama seperti konsep sewaan ruang pejabat di bandar.

III. Peranan PIK sebagai pusat pembelajaran pendigitalan akan terus dimanfaatkan bagi meningkatkan ilmu asas pengkomputeran dengan pentauliahan dalam kalangan murid sekolah menengah.

Strategi B2
Memperkasa Komuniti untuk Pembangunan Inklusif

I. Tumpuan diberikan untuk memperkasa libat urus antara agensi Kerajaan Negeri dan penduduk setempat, disokong dengan penyertaan badan bukan kerajaan dan industri agar usaha meningkatkan pembangunan kemudahan digital dalam komuniti dapat dipertingkatkan.

II. Program perkongsian pintar bersama industri dan institusi pengajian tinggi melalui latihan pendigitalan akan disokong bagi memperkukuh kemahiran asas penggunaan teknologi dan pendigitalan sekali gus membantu mengurangkan jurang digital dalam komuniti.

Hala Tuju: Bidang Fokus C
Pengurangan Jurang Pelaburan Infrastruktur antara Daerah

Strategi C1
Melaksanakan Pembangunan yang Memberikan Limpahan Ekonomi ke Daerah Lain

I. Pembangunan MVV 2.0 yang sedang berjalan akan diperkukuh bagi mengenal pasti potensi industri sokongan, terutamanya PMKS, di kawasan di luar daerah Seremban dan Port Dickson untuk menjadi penghantar kepada pemain industri utama dalam kawasan MVV 2.0.

II. Pembangunan PMKS ini juga perlu disokong dengan penyediaan jalan lingkaran luar Negeri Sembilan yang mempunyai sekurang-kurangnya dua buah lorong dua hala bagi memudahkan pengurusan logistik oleh pihak industri.

Strategi C2

Meneroka Potensi Pewujudan Platform Perundingan Awam

Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan agensi persekutuan akan ditingkatkan bagi merealisasikan usaha ini dengan penyertaan aktif daripada pihak industri dan orang awam.

Hala Tuju: Bidang Fokus D
Peningkatan Tahap Ketersediaan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan ICT

Strategi D1

Meningkatkan Ketersediaan Kemudahan Secara Inklusif

I. Pendekatan kajian keperluan pengguna mengikut kumpulan seperti jantina dan umur diambil kira dalam perancangan masa hadapan bagi memastikan ekosistem pengangkutan awam yang lebih holistik. Kajian ini bukan sahaja tertumpu kepada analisis kumpulan pengguna semasa pembangunan projek dan fasa reka bentuk, tetapi sepanjang kitaran hayat infrastruktur dan kemudahan yang dirancang.

II. Inisiatif perlu dipergiat bagi membangunkan sebuah pangkalan data yang dapat menyelaras maklumat pada setiap kawasan pihak berkuasa tempatan bagi memudahkan perancangan pengangkutan antara daerah dengan pemetaan khusus keperluan laluan pilihan pengguna.

III. Sokongan terhadap keperluan warga emas juga perlu diambil perhatian memandangkan Negeri Sembilan beransur-ansur menjadi negeri tua dengan peningkatan bilangan tenaga buruh melangkaui usia matang.

IV. Menaik taraf akses jaringan Internet terutamanya di kawasan luar bandar yang berhampiran dengan kawasan industri PMKS dan institusi pendidikan. Satu kajian awal mengenai kawasan tumpuan dan tahap capaian mengikut daerah sesuai dijalankan untuk membangunkan unjuran asas pelaksanaan inisiatif yang mampu memudahkan pembangunan secara berfasa.

V. Kumpulan mudah terjejas akan diberikan keutamaan untuk mengikuti latihan berkaitan pengkomputeran dan pendigitalan terutamanya yang menjurus kepada pembangunan keusahawanan. Pemantauan inisiatif ini wajar dipantau melalui kaedah kajian kebolehkesanan bagi menilai tahap keberkesanan program.

Strategi D2

Membangunkan Visi Strategik Infrastruktur, Kemudahan Awam dan ICT yang Menyokong Polisi Kelestarian Alam Sekitar

Penilaian secara holistik perlu diberi perhatian bagi membangunkan visi strategik pembangunan dan pelaburan infrastruktur, kemudahan awam dan ICT pada peringkat negeri yang boleh menyokong polisi kelestarian alam sekitar pada peringkat nasional.

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025

PENCAPAIAN 2016-2020	SASARAN TERPILIH	SASARAN 2021-2025
Tidak Tersedia	Memperluas Liputan 4G	>95% pada tahun 2025
Tidak Tersedia	Memperkenalkan Liputan 5G	Seremban Port Dickson pada tahun 2025
Tidak Tersedia	Pembangunan Visi yang Strategik	Visi yang menyokong polisi kelestarian alam sekitar pada tahun 2025

Bab 13

MEMPERKEMASKAN TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN SEKTOR AWAM

RINGKASAN BIDANG FOKUS

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

Bidang Fokus A

Penambahbaikan Pengurusan Sumber dan Penjanaan Hasil

Strategi A1
Mekanisme Meningkatkan Kecekapan Pembangunan Guna Tanah

Strategi A2
Melaksana Transformasi Tadbir Urus dan Peningkatan Kecekapan Penjanaan Hasil

Bidang Fokus B

Pengukuhan Peranan Sektor Awam yang Responsif dan Proaktif

Strategi B1
Mempertingkatkan Kerjasama antara Agensi Kerajaan dan Sektor Awam-Swasta

Strategi B2
Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif

Strategi B3
Menambah Baik Integrasi dan Privasi Data bagi Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap

Strategi B4
Pembangunan Bakat dan Peningkatan Kemahiran Sektor Awam



Bab 13 Isu dan Cabaran

01 Guna Tanah dan Pertumbuhan Ekonomi

Penggunaan tanah secara sistematik dan optimum akan menyokong pembangunan ekonomi yang berdaya tahan dan mampan. Kajian Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan mendapati proses kelulusan guna tanah merupakan antara faktor utama yang mengehadkan pertumbuhan ekonomi. Proses kelulusan guna tanah yang mengambil masa lama menyebabkan wujudnya jurang antara pelaburan dan perlaksanaan.

02 Pengukuhan Fiskal Negeri bagi Menyokong Tadbir Urus Ekonomi

Kajian Jadual Input-Output dan Akaun Satelit Negeri Sembilan mendapati dua bidang keutamaan yang perlu diberikan perhatian bagi mengukuhkan kedudukan fiskal Negeri Sembilan. Pertama, wujudnya *keperluan kepada transformasi pendekatan kutipan* hasil melalui peningkatan kecekapan dalam tadbir urus ekonomi dan kedua menerokai potensi baharu bidang keberhasilan.

03 Koordinasi antara Agensi Kerajaan dan Sektor Awam-Swasta

Kajian mendapati kekangan sistem koordinasi maklumat sedia ada mengehadkan pemantauan dan penambahbaikan berterusan untuk dilakukan pada peringkat daerah dan lokaliti. Selain daripada sistem penyampaian dan koordinasi maklumat, kesamaran dasar pada peringkat makro ke atas sesuatu bidang juga turut mempengaruhi fragmentasi perlaksanaan. Kajian juga mendapati koordinasi antara sektor awam dan swasta perlu dipertingkat dan ditambah baik bagi mempercepat pertumbuhan dan peralihan struktur ekonomi.

04 Adaptasi Penggunaan Teknologi Digital

Manfaat daripada pendigitalan masih kurang dioptimumkan sepenuhnya dalam sektor awam negeri. Fragmentasi data merentasi agensi dilihat menyukarkan pemprosesan maklumat dan mengurangkan kecekapan perkhidmatan awam terutamanya dalam aspek penyampaian perkhidmatan. Penyediaan sektor awam dalam talian masih lagi terhad, disebabkan oleh kekangan infrastruktur, peralatan dan perkhidmatan berkaitan digital. Selain itu, kecekapan penjawat awam dalam menguasai kemahiran berkaitan digital turut mempengaruhi tahap adaptasi pendigitalan.

05 Dinamika Sektor Awam Memerlukan Pembangunan Bakat Masa Hadapan

Pengurusan pandemik COVID-19 merupakan cabaran yang besar kepada kerajaan terutamanya daripada segi memastikan kelangsungan hidup rakyat yang kehilangan pendapatan akibat daripada penutupan kegiatan sektor ekonomi. Justeru, tadbir urus yang berkesan memerlukan penjawat awam yang kompeten dan inovatif bagi memastikan ketahanan sektor awam dalam mendepani cabaran dan krisis ekonomi pada masa hadapan. Pembangunan bakat juga perlu terus diperkasa agar produktiviti buruh sektor awam terus kekal berdaya saing. Hal ini kerana pertumbuhan produktiviti buruh sektor awam turut menjadi faktor utama dalam memangkin pertumbuhan ekonomi negeri.

06 Perkhidmatan yang Responsif kepada Keperluan Pasaran

Peranan sektor awam dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negeri boleh diukur melalui sumbangan sektor awam kepada penjanaan nilai ditambah. Sektor awam yang proaktif dan berorientasi keperluan pasaran adalah penting bagi menyokong dinamika industri yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Pada masa yang sama, sektor awam menghadapi cabaran untuk memenuhi keperluan pasaran semasa. Hal ini disebabkan oleh ekosistem tadbir urus yang kurang responsif kepada keperluan pasaran.

Hala Tuju dan Bidang Fokus

Hala Tuju: Bidang Fokus A
Penambahbaikan Pengurusan Sumber dan Penjanaan Hasil

Strategi A1

Mekanisme Meningkatkan Kecekapan Pembangunan Guna Tanah

I. Penumpuan akan diberikan kepada mekanisme pengurusan tanah yang lebih cekap dengan memberi fokus kepada tiga bidang utama.
   a. Mengurangkan jurang pelaburan dan perlaksanaan melalui peningkatan kecekapan kelulusan proses pembangunan tanah.
   b. Menyelaras kadar sewaan dan pajakan tanah bagi sektor ekonomi yang terlibat dalam pembangunan strategik seperti agropolis dan MVV 2.0 bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi.
   c. Mengenal pasti kebolehlaksanaan pembangunan ke atas tanah adat tanpa menghapuskan hak milik dan objektif kewujudan tanah adat.

II. Cadangan untuk mewujudkan jawatankuasa khusus bagi menyelaras pelaburan dan tadbir urus penggunaan tanah Negeri Sembilan perlu dipertimbangkan.

Strategi A2

Melaksana Transformasi Tadbir Urus dan Peningkatan Kecekapan Penjanaan Hasil

I. Mengukuh pemantauan penjanaan hasil oleh PBT dan agensi di bawah Kerajaan Negeri melalui pengenalan sistem hasil bersepadu.

II. Memperkenal kaedah semakan hasil yang lebih komprehensif dan berkala bagi menentukan kadar hasil yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengenal pasti bidang potensi keberhasilan baharu.

III. Menyemak dan mengkaji semula dasar hasil GLC negeri bagi memastikan manfaat perniagaan dapat disalurkan sebahagian kepada Kerajaan Negeri bagi membantu meningkatkan penggandaan ekonomi melalui perbelanjaan dan pelaburan awam.

IV. Melaksana *environmental scan* ke atas struktur ekonomi dan perniagaan negeri secara berkala bagi mengenal pasti bidang fokus baharu dalam penjanaan hasil seperti pengoperasian ekonomi bayangan dan pendigitalan.

V. Penekanan kepada dasar berasaskan bukti (*evidence-based policy*) perlu dilaksanakan dalam setiap keputusan perbelanjaan dan pelaburan awam.

VI. Kaedah inovatif perkongsian hasil dan terimaan antara kerajaan persekutuan dan negeri perlu dikaji bagi memastikan kemampanan dan daya saing ekonomi negara dan negeri tidak terjejas.

VII. Adaptasi dan pengetahuan teknologi pendigitalan perlu dipertingkatkan di sektor awam negeri untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

Hala Tuju: Bidang Fokus B
Pengukuhan Peranan Sektor Awam yang Responsif dan Proaktif

Strategi B1

Mempertingkatkan Kerjasama antara Agensi Kerajaan dan Sektor Awam-Swasta

I. Menggalakkan perkongsian maklumat bagi mewujudkan simbiosis antara agensi dalam pelbagai aspek pembangunan dan pelaksanaan dasar pertumbuhan ekonomi.

II. Meningkatkan kerjasama sektor awam-swasta juga menjadi keutamaan bagi memastikan sektor swasta terlibat secara langsung dan peka dengan pengenalan dasar dan perundangan baru yang boleh memberikan impak kepada aktiviti ekonomi.

Strategi B2

Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif

Bagi mengarus perdana pendigitalan, usaha untuk memperluas pendigitalan dan menambah baik tadbir urus digital akan dilaksanakan.

I. Usaha berterusan akan diambil untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan PBT melalui penambahbaikan sistem dan proses kerja.
II. Kebolehcapaian kepada perkhidmatan PBT perlu diperluas melalui pelbagai saluran digital seperti laman sesawang dan aplikasi mudah alih.

Strategi B3

Menambah Baik Integrasi dan Privasi Data bagi Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap

Kerajaan Negeri akan terus memfokus kepada pelaksanaan perkongsian data merentasi agensi selari dengan peningkatan trend terhadap permintaan data raya bagi sektor awam. Sistem penyimpanan data berpusat akan dibangunkan untuk menyelaras maklumat merentas agensi.

Strategi B4

Pembangunan Bakat dan Peningkatan Kemahiran Sektor Awam

Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kecekapan sektor awam melalui kaedah pembangunan bakat dan peningkatan kemahiran secara berterusan. Terdapat tiga bidang keutamaan yang perlu diberi perhatian iaitu:

I. Keupayaan untuk menyesuaikan dan mempelajari amalan terbaik dan teknologi baharu yang memastikan kemahiran sektor awam yang lengkap dan bukannya bergantung kepada sumber luar.
II. Keupayaan untuk menyelaras perkhidmatan awam dan keperluan rakyat yang menuntut kakitangan sektor awam memberi fokus kepada kemudahan dan kecekapan penyampaian daripada memenuhi keperluan substantif.
III. Kapasiti untuk mentadbir sistem ekonomi yang berdaya tahan memerlukan dasar inovatif yang difokuskan untuk memperbaiki kegagalan pasaran.



Ringkasan

RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2021-2025

RPNS 2021-2025

PROGRESIF . SEJAHTERA . LESTARI

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI, NEGERI SEMBILAN
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.